




# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi Dan  
Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI SARAWAK**

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013**

---

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi  
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan  
**NEGERI SARAWAK**

**SIRI 2**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**





---

## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
JABATAN KERJA RAYA SARAWAK	
Pengurusan Loji Rawatan Air Jabatan Kerja Raya Sarawak	3
MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN	
MAJLIS PERBANDARAN SIBU	
MAJLIS DAERAH SAMARAHAN	
MAJLIS DAERAH SERIAN	
MAJLIS DAERAH MARADONG DAN JULAU	
MAJLIS DAERAH SARATOK	
MAJLIS DAERAH LUAR BANDAR SIBU	
Pengurusan Perolehan	16
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PERHUBUNGAN SARAWAK	
Pengurusan Kutipan Dius Pelabuhan Negeri Sarawak	27
LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH	
Hartanah Pelita Sdn. Bhd.	37
LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH	
Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.	51
<b>PENUTUP</b>	<b>73</b>





---

## KATA PENDAHULUAN




# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Sarawak.
2. Pada tahun 2014 ini Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti rasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan turut membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk melakukan perubahan peningkatan kesejahteraan rakyat dan menyokong Dasar Transformasi Negara demi mencapai matlamat utama sebagai negara maju dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Sarawak Tahun 2013 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepelemanya dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Kementerian, 1 Jabatan, 7 Agensi dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Ketua Menteri/Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 20 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
1 Mei 2014



---

## INTISARI LAPORAN



# INTISARI LAPORAN

## AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

### 1. JABATAN KERJA RAYA SARAWAK

#### - Pengurusan Loji Rawatan Air Jabatan Kerja Raya Sarawak

1.1. Bekalan air terawat di negeri Sarawak dibekalkan oleh Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu, LAKU Management Sendirian Berhad dan Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR). Lembaga Air Kuching membekal air untuk kawasan Bandar Kuching, Lembaga Air Sibu bagi kawasan Bandar Sibu, LAKU Management Sendirian Berhad bagi Bandar Bintulu, Miri dan Limbang. Manakala Jabatan Kerja Raya Sarawak melalui Bahagian Bekalan Air adalah bertanggungjawab bagi perkhidmatan bekalan air terawat bagi kawasan di negeri Sarawak yang mana air terawat tidak dibekalkan oleh Agensi Bekalan Air berkenaan. Pada tahun 2010 hingga 2013 peruntukan sejumlah RM303.03 juta telah diluluskan dan setakat Disember 2013 sejumlah RM292.14 juta dibelanjakan untuk pengoperasian dan penyenggaraan LRA.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2013 mendapati pengurusan LRA adalah baik dari segi pematuhan terhadap peraturan perolehan perkhidmatan serta bahan kimia dan kurang memuaskan dari segi penyenggaraan LRA. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Penyediaan bajet tidak mengikut jadual penyenggaraan tahunan LRA dan oleh itu peruntukan tidak mencukupi untuk melakukan penyenggaraan LRA mengikut jadual dan hanya penyenggaraan mengikut keperluan dijalankan.
- Prestasi kerja penyenggaraan di 6 daripada 14 LRA yang dilawati adalah kurang memuaskan.

1.3. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengoperasian dan penyenggaraan loji rawatan air adalah disyorkan supaya Jabatan Kerja Raya Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Jabatan Kerja Raya hendaklah menyediakan bajet penyenggaraan loji rawatan air mengikut jadual penyenggaraan pencegahan tahunan selaras dengan Perintah-Perintah Tetap Pihak Berkuasa Bekalan Air JKR bagi setiap loji rawatan air supaya loji rawatan air boleh berfungsi dengan efisien, menjamin kualiti bekalan air terawat serta mengurangkan kerosakan.

**1.3.2.** Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah memastikan pemantauan rapi dibuat terhadap kontraktor penyenggaraan supaya mutu kerja standard dan spesifikasi kontrak dipatuhi.

**1.3.3.** Majlis Sumber Air Negeri Sarawak hendaklah mewujudkan prosedur bagi kejadian di mana ujian sampel oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah di luar norma yang ditetapkan untuk disiasat dan diambil tindakan serta merta.

**1.3.4.** Kerajaan Negeri Sarawak perlu mempertimbangkan penubuhan satu Jabatan Khas bagi menguruskan semua Loji Rawatan Air di seluruh negeri Sarawak yang tidak tertakluk di bawah Agensi Bekalan Air agar pengurusannya lebih sistematik dan teratur.

## **2. MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN**

**MAJLIS PERBANDARAN SIBU**

**MAJLIS DAERAH SAMARAHAN**

**MAJLIS DAERAH SERIAN**

**MAJLIS DAERAH MARADONG DAN JULAU**

**MAJLIS DAERAH SARATOK**

**MAJLIS DAERAH LUAR BANDAR SIBU**

- Pengurusan Perolehan

**2.1.** Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat perolehan bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan memuaskan. Perolehan PBT adalah termasuk pelaksanaan projek pembangunan, perolehan kerja, aset dan bekalan untuk tujuan operasi harian PBT. Pembiayaan perbelanjaan perolehan PBT adalah dari peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan peruntukan PBT sendiri. Bagi tahun 2011 hingga 2013, PBT telah menerima peruntukan sejumlah RM988.69 juta daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri. Sumber peruntukan PBT adalah sejumlah RM175.05 juta daripada Kerajaan Persekutuan, RM291.40 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM522.24 juta daripada dana PBT sendiri. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM848.31 juta atau 85.8% telah dibelanjakan oleh PBT bagi melakukan 29,639 perolehan. Perbelanjaan terdiri daripada sejumlah RM152.70 juta atau 87.2% peruntukan Kerajaan Persekutuan, RM249.95 juta atau 85.8% peruntukan Kerajaan Negeri dan RM445.66 juta atau 85.3% peruntukan PBT. Bagi tahun 2011 hingga 2013, PBT telah membelanjakan sejumlah RM848.31 juta untuk membuat 29,639 perolehan dengan menggunakan kaedah pembelian terus, tender, sebut harga dan rundingan terus. Pihak Berkuasa Tempatan telah membuat 24,351 perolehan dengan menggunakan kaedah pembelian terus bernilai RM160.36 juta atau 18.9%, 2,955 perolehan melalui kaedah tender bernilai RM571.85 juta atau 67.4%, 2,311 perolehan melalui kaedah sebut harga bernilai RM110.80 juta atau 13.1% dan 22 perolehan melalui kaedah rundingan terus bernilai RM5.30 juta atau 0.6% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan perolehan.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2014 mendapati pada keseluruhannya pengurusan perolehan di MP Padawan, MP Sibu, MD Samarahan, MD

Serian, MD Maradong dan Julau, MD Saratok dan MD Luar Bandar Sibu adalah memuaskan dari segi perancangan, pemantauan, prestasi perbelanjaan dan pengurusan peruntukan kecuali terdapat kes di mana:

- Perancangan perolehan kurang memuaskan di MP Padawan.
- Projek siap tidak digunakan di MP Padawan dan MD Samarahan.
- Peruntukan tidak diguna bagi maksud asal di MD Serian.
- Pengurusan tong sampah tidak teratur di MD Serian, MD Saratok dan MD Samarahan.
- Perolehan tidak selaras dengan peraturan kewangan di MP Sibu serta MD Maradong dan Julau.

**2.3.** Bagi memastikan pengurusan perolehan di Majlis Perbandaran Padawan, Majlis Perbandaran Sibu, Majlis Daerah Samarahan, Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Maradong dan Julau, Majlis Daerah Saratok serta Majlis Daerah Luar Bandar Sibu menjurus kepada amalan terbaik dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

**2.3.1.** Majlis Perbandaran Padawan hendaklah mengenal pasti keperluan, keadaan kawasan projek, struktur dan reka bentuk, keselamatan dan impak sekiranya projek dilaksanakan kepada penduduk di kawasan yang berkenaan bagi memastikan projek yang dilaksanakan mencapai objektif ianya dilaksanakan.

**2.3.2.** Majlis Perbandaran Padawan dan Majlis Daerah Samarahan hendaklah mengambil tindakan agar pusat penjaja dan terminal bas yang dibina digunakan dengan segera.

**2.3.3.** Majlis Daerah Serian hendaklah memastikan peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan digunakan bagi maksud asal ianya diperuntukkan.

**2.3.4.** Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Saratok dan Majlis Daerah Samarahan hendaklah melakukan perolehan mengikut keperluan dan tidak menyimpan baki stok yang terlalu banyak. Aset yang telah diperoleh hendaklah disimpan dengan teratur dan rekod aset dikemaskinikan dengan sewajarnya.

**2.3.5.** Majlis Perbandaran Sibu serta Majlis Daerah Maradong dan Julau hendaklah memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya dan tindakan perlu diambil terhadap sebarang pelanggaran peraturan kewangan.

### **3. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PERHUBUNGAN SARAWAK**

#### **- Pengurusan Kutipan Dius Pelabuhan Negeri Sarawak**

**3.1.** Negeri Sarawak mempunyai 5 pelabuhan utama yang telah ditubuhkan melalui *The Port Authorities Ordinance, 1961* iaitu Lembaga Pelabuhan Kuching, Lembaga Pelabuhan Rajang, Lembaga Pelabuhan Miri, Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis dan Lembaga Pelabuhan Samalaju. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak merupakan kementerian yang bertanggungjawab dalam menggubal dasar, mengkoordinasi dan menyelia aktiviti pelabuhan Negeri. Dius pelabuhan merupakan hasil kerajaan negeri dan tugas mengutip dius pelabuhan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pelabuhan Negeri. Kadar caj yang dikenakan adalah RM2 per tan metrik atau setiap penumpang seperti diperuntukkan *The Port Authorities Ordinance, 1961*. Caj dius pelabuhan dikenakan kepada syarikat atau agen perkapalan yang menggunakan jeti swasta atau persendirian dalam urusan pengendalian dan pemunggahan kargo. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak 23.94 juta tan metrik iaitu jumlah keseluruhan kuantiti barangan seperti petroleum, kayu balak dan kayu gergaji, arang batu dan bahan binaan dengan nilai kutipan dius berjumlah RM48.58 juta telah dikutip.

**3.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mac 2014 mendapati prestasi keseluruhan pengurusan kutipan dius pelabuhan negeri Sarawak adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Pengesahan terhadap ketepatan kuantiti muatan kurang memuaskan.
- Kawalan dalaman terhadap terimaan dius kurang memuaskan.
- Pemeriksaan terhadap *sufferance wharf* tidak dijalankan secara menyeluruh.
- Daftar jeti swasta/persendirian tidak diselenggara dan dikemaskini.

**3.3.** Bagi memastikan pengurusan kutipan dius pelabuhan di negeri Sarawak dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan langkah berikut diambil, iaitu:

**3.3.1.** Akauntan Negeri dan Lembaga Pelabuhan Negeri perlu menyediakan anggaran kutipan dius tahunan berdasarkan faktor penambahan/pengurangan bilangan kapal yang keluar/masuk, bilangan jeti swasta/persendirian dan menganalisis trend pengeluaran barangang import/eksport atau berdasarkan rekod kutipan dius sebenar tahun sebelum.

**3.3.2.** Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak dan Lembaga Pelabuhan Negeri perlu mewujudkan mekanisma yang seragam untuk mengesahkan kuantiti muatan barangang agar hasil dius tidak terkurang kutip.

**3.3.3.** Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak perlu menyeragamkan keperluan jaminan kutipan dius ke dalam Manual Prosedur Kerja atau Arahan Kerja termasuk kaedah penetapan amaun yang jelas bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, Kementerian juga perlu memupuk kerjasama di antara Lembaga Pelabuhan Negeri, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Lembaga Sungai-sungai Sarawak supaya aktiviti penguatkuasaan boleh dikoordinasi dan lebih terancang.

**3.3.4.** Lembaga Pelabuhan Negeri perlu bekerjasama dengan pihak Lembaga Sungai-sungai Sarawak dan Jabatan Tanah Dan Survei supaya satu daftar lengkap jeti swasta/persendirian di seluruh negeri Sarawak dapat diselenggara bagi memudahkan kerja penguatkuasaan dan pemantauan dijalankan.

#### **4. LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH**

- **Hartanah Pelita Sdn. Bhd.**

**4.1.** Hartanah Pelita Sdn. Bhd. (HPSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 September 1986 merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh Pelita Holdings Sdn. Bhd. (PHSB) yang juga adalah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA). Hartanah Pelita Sdn. Bhd. mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar sejumlah RM17.22 juta. Aktiviti utama HPSB adalah perkhidmatan perhotelan iaitu memiliki dan mengurus operasi The Regency Rajah Court Hotel di Kuching, sejajar dengan objektif HPSB berdasarkan *Memorandum of Association* untuk terlibat dalam pemilikan dan pengurusan aktiviti perhotelan dan rumah penginapan. Satu Perjanjian Pengurusan telah ditandatangani di antara HPSB dengan Regency International Hotel Services (M) Sdn. Bhd. (RIH) pada bulan November 2000 yang mana pengurusan operasi hotel adalah dijalankan oleh RIH. Perjanjian ini telah dilanjutkan sehingga bulan November 2015. Pada tahun 2010 hingga 2012, HPSB mengalami kerugian selepas cukai sejumlah RM0.20 juta, RM0.33 juta dan RM0.42 juta. Bagi tempoh yang sama, HPSB mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM3.82 juta, RM4.24 juta dan RM4.75 juta.

**4.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati secara keseluruhan prestasi pengurusan HPSB adalah kurang memuaskan. Hasil pengauditan terhadap HPSB berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

- Mencatat kerugian untuk 3 tahun berturut dan kerugian terkumpul pada akhir tahun 2012 adalah RM4.75 juta.
- Prestasi RIH berada di bawah syarat pembaharuan Perjanjian Pengurusan.
- Kadar penginapan purata di bawah norma industri.
- Pemasaran dan promosi kurang berkesan.
- Maklum balas pelanggan tidak dititikberatkan.

- Rancangan Korporat belum disediakan dan *Standard Operating Procedures* tidak lengkap serta pengurusan aset tidak memuaskan.

**4.3.** Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, pengurusan Hartanah Pelita Sdn. Bhd. adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

**4.3.1.** Mengkaji dan menentukan arah tuju syarikat dalam bidang perhotelan supaya syarikat boleh bersaing dan mendapat pulangan ke atas ekuiti yang dilaburkan dan menilai sama ada pengurusan hotel dapat diurus sendiri oleh Hartanah Pelita Sdn. Berhad.

**4.3.2.** Menggiatkan pemasaran dan promosi dengan lebih efektif dan menyediakan kemudahan perkhidmatan pengangkutan *shuttle* kepada pelanggan yang menginap di hotel sebagai salah satu cara untuk menarik lebih ramai pelanggan.

**4.3.3.** Meningkatkan tadbir urus korporat dengan menyediakan Rancangan Korporat Syarikat dan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah yang lebih kerap bagi membincangkan urusan dan hala tuju syarikat.

**4.3.4.** Melantik sekurang-kurangnya seorang ahli Lembaga Pengarah bebas yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perhotelan supaya dapat memberi input bernas dalam pengurusan hotel.

## **5. LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH**

- Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

**5.1.** Award Square Sdn. Bhd. diperbadankan pada 7 November 1994 dan telah ditukarkan namanya kepada Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. (SEPOM) pada 25 Mac 1995. Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. adalah 60% milik Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah (SALCRA) dan 40% milik Genting Plantations Berhad serta mula beroperasi pada bulan Mei 1997. Modal dibenar bagi SEPOM adalah RM5 juta dan modal berbayar adalah RM5 juta. Aktiviti utama SEPOM adalah membeli dan memproses buah tandan segar (BTS) dijadikan minyak sawit mentah (CPO) dan penghasilan isirung (PK) untuk dijual. SEPOM memperoleh BTS daripada ladang SALCRA dan pekebun kecil serta pembekal luar yang berdaftar dan mempunyai lesen yang sah. Had kapasiti kilang SEPOM bagi pemprosesan BTS 360,000 tan metrik setahun. Objektif penubuhan SEPOM adalah untuk memaksimumkan hasil jualan produk minyak sawit serta peningkatan dalam pengeluaran kualiti minyak sawit dan mengoptimumkan keupayaan kilang sedia ada.

**5.2.** Sehingga akhir tahun 2013, SEPOM mempunyai 7 Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusi oleh Pengurus Besar SALCRA dan dianggotai oleh 6 ahli lain yang terdiri dari 4 wakil Genting Plantations Berhad, 2 wakil rakyat dan seorang wakil dari SALCRA. Operasi harian SEPOM diurus oleh seorang Ketua Pegawai Operasi dan dibantu oleh 36 kakitangan

yang terdiri daripada seorang Pengurus Kilang, 3 Jurutera, seorang Pegawai Kewangan/Pentadbiran, 4 pegawai pentadbiran dan 27 pekerja teknikal selain 109 pekerja am. Sejak mula beroperasi, SEPOM telah menerima pelbagai anugerah dan pensijilan seperti Anugerah Industri Sawit Malaysia (pencapaian kadar perahan minyak tertinggi Peringkat Wilayah Sarawak) untuk Tahun 1997 dan 1999, ISO 14001:2004 *Environment Management System* pada tahun 2011, *The Sarawak Chief Minister's Environment Award (Gold Award Large Enterprise Industries - Manufacturing Related Services and Agro-based Industries)* pada tahun 2011 dan 2012 serta *MPOB Code of Good Milling Practice For Palm Oil Mills* pada tahun 2013.

**5.3.** Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2014 mendapati secara keseluruhan prestasi pengurusan kewangan SEPOM adalah baik manakala prestasi pengurusan tadbir urus adalah memuaskan. Namun beberapa isu dalam pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus boleh ditambah baik. Secara ringkasnya, isu-isu yang ditemui adalah seperti berikut:

- Hutang dagangan yang melebihi 30 hari berdasarkan kontrak berjumlah RM34.16 juta pada akhir tahun 2012.
- Garis Panduan Pemasaran tidak dikemas kini serta Manual Polisi Dan Prosedur Pengurusan Kewangan belum disediakan.
- Pelupusan tandan kosong yang lebih efisien dan mesra alam perlu dipertimbangkan.
- Penyenggaraan pencegahan mesin tidak dilakukan mengikut jadual.

**5.4.** Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan syarikat Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. adalah disyorkan SEPOM mengambil tindakan seperti berikut:

**5.4.1.** Meningkatkan prestasi pengeluaran hasil minyak sawit, pengoperasian kilang, pengurusan penyenggaraan mesin berjadual dan memastikan penggunaan mesin di tahap optimum bagi meningkatkan pengeluaran hasil minyak.

**5.4.2.** Mengkaji kaedah alternatif untuk pelupusan tandan kosong.

**5.4.3.** Menyediakan Rancangan Korporat, Manual Polisi Dan Prosedur Pengurusan Kewangan dan peraturan berkaitan pentadbiran dan pengurusan kewangan serta mengemaskini Manual Pemasaran dengan perubahan kadar baru yang diluluskan.





---

# AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



# **AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

## **JABATAN KERJA RAYA**

### **1. PENGURUSAN LOJI RAWATAN AIR**

#### **1.1. LATAR BELAKANG**

**1.1.1.** Bekalan air terawat di negeri Sarawak dibekalkan oleh Lembaga Air Kuching (LAK), Lembaga Air Sibu (LAS), LAKU Management Sendirian Berhad (LAKU) dan Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR). Lembaga Air Kuching membekal air untuk kawasan Bandar Kuching, Lembaga Air Sibu bagi kawasan Bandar Sibu, LAKU Management Sendirian Berhad bagi Bandar Bintulu, Miri dan Limbang. Manakala Jabatan Kerja Raya Sarawak melalui Bahagian Bekalan Air adalah bertanggungjawab bagi perancangan, pembangunan, pengoperasian dan penyenggaraan perkhidmatan bekalan air terawat bagi kawasan di negeri Sarawak yang mana air terawat tidak dibekalkan oleh Agensi Bekalan Air berkenaan.

**1.1.2.** Dalam tempoh tahun 1959 hingga 2013, JKR telah membangunkan 88 Loji Rawatan Air (LRA) berkapasiti antara *0.17 Million Litres per Day* (MLD) hingga 50 MLD di seluruh negeri Sarawak. Pada tahun 2010 hingga 2013, JKR telah menerima peruntukan sejumlah RM303.03 juta dan setakat Disember 2013 sejumlah RM292.14 juta dibelanjakan untuk pengoperasian dan penyenggaraan LRA.

#### **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan LRA JKR telah dirancang, diurus dan dilaksanakan dengan cekap, berkesan serta matlamat untuk menghasilkan air terawat selaras dengan standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tercapai.

#### **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi pengurusan oleh JKR terhadap pengoperasian dan penyenggaraan LRA di bawah tanggungjawab JKR dalam tempoh 2010 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JKR, Pejabat JKR Bahagian Kuching dan Pejabat JKR Bahagian Limbang. Pengauditan juga adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Kementerian Kemudahan Awam dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan LRA. Selain itu, lawatan Audit dijalankan ke tapak LRA di Bahagian Limbang iaitu di Sundar, Trusan, Gelugus, Kuala Lawas, Merapok, Wilayah

Trusan Fasa 2 dan Punang. Lawatan Audit juga dijalankan ke tapak LRA di Bahagian Kuching iaitu di Tapah, Bau, Siniawan, Lundu, Sematan dan Serian di Bahagian Samarahan.

#### **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2013 mendapati pengurusan LRA adalah baik dari segi pematuhan terhadap peraturan perolehan perkhidmatan serta bahan kimia dan kurang memuaskan dari segi penyenggaraan LRA. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Penyediaan bajet tidak mengikut jadual penyenggaraan tahunan LRA dan oleh itu peruntukan tidak mencukupi untuk melakukan penyenggaraan LRA mengikut jadual dan hanya penyenggaraan mengikut keperluan dijalankan.
- Prestasi kerja penyenggaraan di 6 daripada 14 LRA yang dilawati adalah kurang memuaskan.

##### **1.4.1. Prestasi Pengurusan LRA**

###### **1.4.1.1. Penyediaan Bajet Tidak Mengikut Jadual Penyenggaraan Tahunan LRA**

- a. Setakat tahun 2013, JKR bertanggungjawab untuk mengoperasi dan menyenggara sejumlah 88 LRA di seluruh negeri Sarawak. Pengoperasian dan penyenggaraan LRA adalah di bawah pemantauan Ibu Pejabat JKR dan dilaksanakan oleh Pejabat JKR Bahagian atau Pejabat JKR Daerah. Pada tahun 2010 hingga 2013 peruntukan berjumlah RM303.03 juta telah diluluskan dan setakat bulan Disember 2013 sejumlah RM292.14 juta atau 96.4% dibelanjakan untuk pengoperasian dan penyenggaraan LRA. Semakan Audit mendapati JKR telah memohon bajet bagi tempoh 2010 hingga 2013 berjumlah RM262.39 juta untuk pengoperasian dan penyenggaraan LRA tetapi hanya sejumlah RM241.65 juta diluluskan. Adalah didapati bajet tambahan sejumlah RM61.38 juta telah diluluskan untuk menampung perbelanjaan pengoperasian dan penyenggaraan dalam tempoh tahun 2010 hingga 2013. Semakan Audit seterusnya mendapati JKR membelanjakan sejumlah RM57.26 juta atau 97.4% daripada jumlah peruntukan pada tahun 2010, RM65.07 juta atau 95.2% pada tahun 2011, RM79.72 juta atau 102.6% pada tahun 2012 dan RM90.09 juta atau 91.7% setakat bulan Disember 2013. Mengikut pihak JKR prestasi perbelanjaan 96.4% bagi tempoh tahun 2010 hingga 2013 adalah untuk penyenggaraan mengikut keperluan semasa dan bukannya mengikut penyenggaraan yang berjadual. Butiran mengenai bajet, peruntukan dan perbelanjaan bagi pengoperasian serta penyenggaraan LRA untuk tahun 2010 hingga Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**

**Butiran Mengenai Bajet, Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Pengoperasian Serta Penyenggaraan LRA Untuk Tahun 2010 Hingga Disember 2013**

Bil.	Tahun	Bajet Dimohon (RM Juta)	Bajet Diluluskan (RM Juta)	Tambahan/Viremen (RM Juta)	Jumlah Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratusan (%)
1.	2010	58.00	51.72	7.06	58.78	57.26	97.4
2.	2011	58.00	56.72	11.61	68.33	65.07	95.2
3.	2012	70.57	59.83	17.84	77.67	79.72	102.6
4.	2013	75.82	73.38	24.87	98.25	90.09 *	91.7
<b>Jumlah</b>		<b>262.39</b>	<b>241.65</b>	<b>61.38</b>	<b>303.03</b>	<b>292.14</b>	<b>96.4</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Nota: \* Perbelanjaan bagi tahun 2013 belum dimuktamadkan

b. Semakan Audit mendapati JKR menyediakan bajet tahunan bagi pengoperasian dan penyenggaraan berdasarkan peruntukan dan perbelanjaan tahun sebelumnya dan bukannya berdasarkan jadual penyenggaraan pencegahan tahunan bagi setiap LRA. Oleh itu jumlah peruntukan yang dimohon dan juga peruntukan yang diluluskan untuk sesuatu tahun tidak mencukupi sekiranya penyenggaraan berjadual semua LRA di seluruh negeri Sarawak dilaksanakan. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 15 Januari 2014 dan 14 Februari 2014**, menyatakan bahawa perbelanjaan terperinci untuk pengoperasian dan penyenggaraan secara tahunan bagi setiap LRA tidak disediakan kerana peruntukan yang diagihkan kepada setiap bahagian adalah untuk perbelanjaan secara *common pool* iaitu merangkumi semua LRA di bahagian masing-masing. Jabatan Kerja Raya Sarawak seterusnya menyatakan bajet tambahan telah dimohon untuk menampung kos bahan kimia, bil bekalan elektrik dan pembayaran pembelian air daripada LAK, LAS dan LAKU. Tambahan itu, JKR menyatakan kekangan peruntukan ini menyebabkan pengoperasian dan penyenggaraan LRA hanya dapat dilaksanakan mengikut keutamaan dan keperluan segera. Pada tahun 2014 sejumlah RM107 juta bajet dimohon untuk pengoperasian dan penyenggaraan LRA tetapi hanya sejumlah RM73.12 juta diluluskan. Sehubungan itu, JKR juga menyatakan dengan penubuhan Cawangan Operasi dan Penyenggaraan Air pada 1 Ogos 2013 serta Program Turun Padang oleh pihak pengurusan atasan, JKR kini adalah lebih fokus dalam menangani masalah operasi dan penyenggaraan LRA seluruh negeri Sarawak. Antara initiatif cawangan yang dititikberatkan ialah penyiasatan dan penilaian terhadap semua LRA JKR Sarawak. Oleh itu, penyediaan bajet bagi tahun 2015 akan berdasarkan keputusan penyiasatan dan penilaian perkhidmatan LRA mengikut *star rating* yang dikategorikan dengan *ranking GAGAL, 1, 2, 3, 4 atau 5 bintang*.

Pada pendapat Audit, JKR hendaklah menyediakan bajet penyenggaraan LRA mengikut jadual bagi penyenggaraan pencegahan tahunan bagi setiap LRA supaya LRA boleh berfungsi dengan efisien, menjamin kualiti bekalan air terawat serta mengurangkan kerosakan.

## 1.4.2. Pengurusan Perolehan LRA

### 1.4.2.1. Perolehan Perkhidmatan Penyenggaraan LRA

Kaedah perolehan perkhidmatan penyenggaraan adalah melalui *term contract* kepada syarikat tempatan secara tender oleh Pejabat JKR Bahagian. Semakan Audit di Pejabat JKR Bahagian Kuching mendapati perkhidmatan penyenggaraan LRA meliputi tugas pencegahan, penyenggaraan dan baik pulih berdasarkan keperluan. Semakan Audit seterusnya mendapati proses tender mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan dan tender dinilai serta diluluskan oleh Lembaga Tender Pusat Negeri Sarawak.

### 1.4.2.2. Perolehan Bahan Kimia Rawatan Air

Perolehan bahan kimia rawatan air untuk LRA oleh Pejabat JKR Bahagian adalah melalui peruntukan Stor Berpusat di Bahagian Kuching. Kaedah perolehan yang diamalkan oleh JKR adalah secara tender melalui kontrak pusat dan dilakukan oleh Seksyen Stor, Ibu Pejabat JKR. Pengagihan bahan kimia adalah mengikut keperluan LRA. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 hingga Disember 2013, JKR telah membelanjakan sejumlah RM55.25 juta untuk memperoleh bekalan bahan kimia rawatan air seperti *alum*, *soda ash*, *calcium hypochlorite*, *aluminum chlorohydrate (ACH)*, *sodium aluminate* dan *sodium silicofluoride*. Semakan Audit seterusnya mendapati proses tender mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan dan tender dinilai serta diluluskan oleh Lembaga Tender Pusat Negeri Sarawak. Butiran lanjut mengenai perbelanjaan bagi perolehan bahan kimia rawatan air untuk tahun 2010 hingga Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**

**Butiran Mengenai Perbelanjaan Bagi Perolehan Bahan Kimia Rawatan Air Untuk Tahun 2010 Hingga Disember 2013**

Bil.	Jenis Bahan Kimia	Tahun				
		2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
1.	<i>Alum</i>	3.21	3.21	2.89	2.98	12.29
2.	<i>Soda Ash</i>	3.04	2.84	3.47	3.71	13.06
3.	<i>Calcium Hypochlorite</i>	2.27	1.84	2.02	2.38	8.51
4.	<i>Aluminum Chlorohydrate (ACH)</i>	0.00	3.42	3.24	8.26	14.92
5.	<i>Sodium Aluminate</i>	3.36	1.67	1.08	0.00	6.11
6.	<i>Sodium Silicofluoride*</i>	0.07	0.10	0.11	0.08	0.36
<b>Jumlah</b>		<b>11.95</b>	<b>13.08</b>	<b>12.81</b>	<b>17.41</b>	<b>55.25</b>

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Nota: \* Bahan kimia yang dibekalkan oleh KKM

**Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan perkhidmatan penyenggaraan dan bahan kimia LRA telah diuruskan dengan teratur.**

### 1.4.3. Prestasi Kerja Penyenggaraan LRA

Jabatan Kerja Raya Sarawak ada menyediakan Perintah-Perintah Tetap Pihak Berkuasa Bekalan Air JKR yang merangkumi pengoperasian dan penyenggaraan LRA, pengawalan kualiti air dan penyenggaraan pencegahan. Skop penyenggaraan pencegahan terdiri dari penyenggaraan injap, sistem retikulasi, kemudahan penyimpanan air, pam dan penjana. Kerja penyenggaraan LRA adalah dilaksanakan oleh Pejabat JKR Bahagian atau Pejabat JKR Daerah. Kerja penyenggaraan juga dikontrakkan melalui *term contract* kepada syarikat tempatan secara tender oleh Pejabat JKR Bahagian. Semakan Audit mendapati penyenggaraan pencegahan dan *breakdown* tidak dijalankan sepenuhnya mengikut perintah tetap yang dikeluarkan oleh JKR sebaliknya penyenggaraan adalah berdasarkan keutamaan dan keperluan. Lawatan Audit ke 14 LRA mendapati ada kelemahan dalam prestasi kerja seperti kawasan pam air mentah tidak disenggarakan, penyenggaraan komponen LRA kurang memuaskan, penyenggaraan pam air kurang memuaskan dan penyenggaraan peralatan rawatan air kurang memuaskan. Bagaimanapun sebahagiannya telah diambil tindakan penambahbaikan selepas mendapat teguran Audit.

#### 1.4.3.1. Kawasan Pam Air Mentah Tidak Disenggara

- a. Lawatan Audit mendapati masalah mendapan yang serius berlaku di muka sauk baru Sg. Gaya, LRA Punang seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2** serta *pontoon* di LRA Gelugus yang digunakan sebagai *platform* sokongan bagi pam air mentah tidak disenggarakan seperti di **Gambar 1.3**. Lawatan Audit seterusnya pada bulan Oktober 2013 ke LRA Bau mendapati *strainer* di muka sauk telah hilang dan belum diganti seperti di **Gambar 1.4**.

**Gambar 1.1**  
Mendapan di Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit negara  
Lokasi: Muka Sauk Sg. Gaya (LRA Punang)  
Tarikh: 22 Mei 2013

**Gambar 1.2**  
Mendapan di Muka Sauk



Sumber: Jabatan Audit negara  
Lokasi: Muka Sauk Sg. Gaya (LRA Punang)  
Tarikh: 22 Mei 2013

**Gambar 1.3**  
**Pontoon Untuk Pam Air Mentah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Muka Sauk Sg.Gaya (LRA Gelugus)  
Tarikh: 22 Mei 2013

**Gambar 1.4**  
**Strainer Di Muka Sauk Hilang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Muka Sauk LRA Bau  
Tarikh: 10 Oktober 2013

- b. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 15 Januari 2014, menyatakan bahawa muka sauk di LRA Punang dan LRA Gelugus dipantau dari semasa ke semasa dan kerja pembersihan dan penyenggaraan dilakukan bila keadaan mengizinkan. Bagi strainer yang hilang akibat kecurian di LRA Bau, penggantian akan dilakukan sebaik sahaja menerima peruntukan operasi dan penyenggaraan bagi tahun 2014.**

#### 1.4.3.2. Penyenggaraan Komponen Loji Rawatan Air Kurang Memuaskan

- a. Mengikut klausula 1.1, Perintah Tetap No. 1 yang dikeluarkan oleh JKR, kebersihan LRA perlu dijaga pada setiap masa manakala klausula 1.3, Perintah Tetap No. 7 menetapkan semua tangki simpanan air dan takungan air perlu diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun. Pada tahun 2012 kontrak secara rundingan terus telah ditawarkan kepada syarikat tempatan untuk *The Proposed Cleaning Of The Internal Of HDPE Tanks for JKR Sarawak* selaras dengan kehendak perintah tetap. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2013 ke LRA Bau mendapati dinding tangki ditumbuhinya lumut seperti di **Gambar 1.5** dan tindakan kerja pembersihan telah dibuat selepas teguran Audit seperti di **Gambar 1.6**. Lawatan Audit ke LRA Lundu juga mendapati dinding tangki ditumbuhinya lumut dan dipenuhi dengan sarang labah-labah serta tumbuhan seperti di **Gambar 1.7** dan **Gambar 1.9**. Tindakan kerja pembersihan telah dibuat selepas teguran Audit seperti di **Gambar 1.8** dan **Gambar 1.10**.

**Gambar 1.5**  
**Dinding Tangki Pemendapan**  
**Ditumbuhi Lumut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Bau  
Tarikh: 10 Oktober 2013

**Gambar 1.6**  
**Dinding Tangki Pemendapan**  
**Telah Dibersihkan**




Sumber: Jabatan Kerja Raya  
Lokasi: LRA Bau  
Tarikh: 15 Januari 2014

**Gambar 1.7**  
**Dinding Tangki Ditumbuhi Lumut**  
**Dan Dipenuhi Sarang Labah-Labah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Lundu  
Tarikh: 11 Oktober 2013

**Gambar 1.8**  
**Dinding Tangki Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Kerja Raya  
Lokasi: LRA Lundu  
Tarikh: 17 April 2014

**Gambar 1.9**  
**Sesekat (Baffles) Di Tangki Flokulasi**  
**Yang Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Lundu  
Tarikh: 11 Oktober 2013

**Gambar 1.10**  
**Sesekat (Baffles) Di Tangki Flokulasi**  
**Telah Dibersihkan**



Sumber: Jabatan Kerja Raya  
Lokasi: LRA Lundu  
Tarikh: 10 April 2014

- b. Maklum balas daripada JKR bertarikh 15 Januari 2014, menyatakan bahawa kerja pembersihan dinding tangki pemendapan ditumbuh lumut dan dipenuhi sarang labah-labah serta tumbuhan di LRA Bau dan LRA Lundu telah dilaksanakan pada bulan Disember 2013 selepas menerima teguran Audit.

#### 1.4.3.3. Penyenggaraan Pam Air/Pam Air Bantuan Kurang Memuaskan

- a. Mengikut klausa 1.14 Perintah Tetap No.1, semua pam dan penjana perlu disenggara supaya berada dalam keadaan yang baik dan semua kerosakan perlu dilaporkan untuk tindakan pembaikan segera. Lawatan Audit pada bulan Mei 2013 ke LRA Kuala Lawas dan Gelugus mendapati pam air termasuk pam air bantuan (*relief pump*) telah uzur, rosak ataupun bocor dan belum diganti. Lawatan Audit pada bulan Oktober 2013 ke LRA Tapah juga mendapati pam air telah rosak dan belum diganti. Keadaan adalah seperti di **Gambar 1.11** hingga **Gambar 1.14**.

**Gambar 1.11**  
Pam Air Yang Uzur




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Muka Sauk Sg.Gaya (LRA Gelugus)  
Tarikh: 22 Mei 2013

**Gambar 1.12**  
Pam Air Yang Rosak




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Kuala Lawas  
Tarikh: 23 Mei 2013

**Gambar 1.13**  
Keadaan Pam Air Yang Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Muka Sauk Sg.Gaya (LRA Gelugus)  
Tarikh: 22 Mei 2013





**Gambar 1.14  
Pam Air Yang Rosak**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tapah  
Tarikh: 10 Oktober 2013

- b. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 15 Januari 2014 dan 14 Februari 2014,** menyatakan bahawa pam di LRA Tapah sudah uzur dan sering mengalami kerosakan meskipun kerja pembaikan telah dilakukan dan kerosakan terakhir adalah pada bulan Ogos 2013. Sehubungan itu, JKR Bahagian Kuching telah mempelawa kontrak secara tender bagi penggantian semua pam penghantar di LRA Tapah kerana ianya tidak lagi ekonomi untuk dibaik pulih. Bagi pam di LRA Gelugus, JKR memaklumkan bahawa pam tersebut mengalami kelonggaran pada bahagian *gland* tetapi keadaan ini masih boleh diterima memandangkan usia pam yang agak uzur iaitu telah mula beroperasi sejak tahun 1997. Sebagai langkah untuk menambahbaik penyenggaraan peralatan di LRA, Cawangan Bekalan Air (Operasi dan Penyenggaraan) telah menetapkan standard untuk perolehan *term contract* bagi perkhidmatan penyenggaraan peralatan di mana kontrak hanya dipelawa kepada kontraktor yang kompeten dan mempunyai kepakaran khusus.

#### 1.4.3.4. Penyenggaraan Peralatan Rawatan Air Kurang Memuaskan

##### a. *Coagulant Dosing System With Streaming Current Monitor (SCM)*

- i. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM4.23 juta untuk memasang 64 unit SCM di 58 LRA di negeri Sarawak. Kerja pemasangan dan pengujian sistem SCM telah disiapkan pada bulan Februari 2011. Peralatan ini adalah untuk mengawal dos kimia secara teratur dan seragam bagi penghasilan kualiti air yang konsisten serta penggunaan bahan kimia secara optimum. *Streaming Current Monitor* juga berperanan sebagai pemantau terhadap dos alum yang ditentukan melalui kaedah *Jar Test*. Mengikut pembekal, penyenggaraan ke atas peralatan SCM perlu dijalankan secara berjadual seperti di **Jadual 1.3**. Semakan Audit mendapati penyenggaraan ke atas peralatan ini tidak pernah dijalankan seperti yang disyorkan.

**Jadual 1.3**  
**Jadual Penyenggaraan SCM Yang Disyorkan Oleh Pembekal**

Bil.	Butiran	Anggaran Jangka Hayat
1.	<i>Motor And Gear Box</i>	2-5 tahun
2.	<i>Piston</i>	2-3 tahun
3.	<i>Streaming Current Sensor</i>	2-3 tahun
4.	<i>Sensor Bearing And Washer</i>	2 tahun

Sumber: Dokumen Kontrak Jabatan Kerja Raya

- ii. Semakan Audit seterusnya mendapati rekod perbandingan penggunaan bahan kimia sebelum dan selepas pemasangan sistem SCM ada disediakan tetapi tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- iii. Semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2013 ke LRA Tapah mendapati SCM rosak atau tidak berfungsi dengan baik. Mengikut anggaran pembekal pada bulan Oktober 2013, kos bagi menjalankan kerja pembaikan dan penyenggaraan ke atas semua 64 unit SCM tersebut adalah RM884,500. Contoh SCM rosak adalah seperti di **Gambar 1.15. Maklum balas daripada JKR bertarikh 15 Januari 2014 dan 22 April 2014**, menyatakan bahawa impak kerosakan SCM ke atas proses rawatan air ialah dos bahan kimia dilakukan secara manual dan tidak berapa tepat untuk merawat air. Selain itu, setiap perubahan kualiti air mentah memerlukan lebih lama masa untuk mengatur balik dos bahan kimia yang bersesuaian untuk perubahan tersebut. Jabatan Kerja Raya Sarawak juga menyatakan bahawa pada bulan Februari 2014, peruntukan sejumlah RM900,000 untuk kerja pembaikan dan penyenggaraan SCM telah dimohon daripada Kementerian Kemudahan Awam.



**Gambar 1.15**  
**SCM Rosak**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Tapah  
Tarikh: 10 Oktober 2013

Pada pendapat Audit, penyenggaraan tidak dibuat mengikut jadual bagi penyenggaraan pencegahan selaras dengan Perintah-Perintah Tetap Pihak Berkuasa Bekalan Air JKR bagi memastikan LRA berfungsi dengan baik untuk mengurangkan gangguan bekalan air dan menjamin kualiti air terawat. Pihak Audit juga berpendapat bahawa pemantauan rapi perlu diberi terhadap kontraktor penyenggaraan bagi memastikan mutu kerja mematuhi standard dan spesifikasi kontrak.

#### 1.4.4. Kualiti Air

**1.4.4.1.** Sebagai usaha Kerajaan Malaysia untuk membekalkan air terawat yang berkualiti dan selamat kepada seluruh rakyat Malaysia, KKM telah menetapkan parameter pematuhan bagi E.coli dan baki Klorin, E.coli, Kekeruhan, baki Klorin dan Aluminium di bawah *Quality Assurance Program (QAP)* untuk seluruh negara. KKM mendapati bahawa secara keseluruhannya, pencapaian QAP untuk seluruh negara bagi tahun 2012 adalah memuaskan dan meningkatkan lagi parameter pematuhan bagi tahun 2013. Parameter yang telah ditetapkan oleh KKM bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**  
Parameter Yang Ditetapkan Oleh KKM Di Bawah Program QAP

Bil.	Parameter	Standard QAP 2012 (Peratusan Ketidakpatuhan)	Standard QAP 2013 (Peratusan Ketidakpatuhan)	Standard Kualiti Air mg/l (kecuali dinyatakan)
1.	E.coli dan Baki Klorin	< 0.2	< 0.1	Tidak Hadir
2.	E.coli	< 0.4	< 0.35	Tidak Hadir
3.	Kekeruhan	< 2.0	< 2.0	5 NTU
4.	Baki Klorin	< 2.3	< 1.85	0.2 - 5.0
5.	Aluminium	< 10.2	< 10.2	0.2

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

**1.4.4.2.** Menurut laporan tahunan ujian sampel air terawat dijalankan oleh KKM, pencapaian LRA JKR di negeri Sarawak secara keseluruhannya bagi tahun 2011 hingga 2013 menunjukkan terdapat ketidakpatuhan yang berlaku dalam tahun 2011 adalah bagi E-coli, 0.95%, baki Klorin, 3.27% dan Aluminium, 36.42%. Manakala bagi tahun 2012, ketidakpatuhan adalah bagi E-coli, 1.02%, kekeruhan, 2.23%, baki Klorin, 2.89% dan Aluminium, 27.78%. Semakan Audit seterusnya terhadap ujian sampel air terawat bagi tahun 2013 mendapati ketidakpatuhan masih berlaku pada kekeruhan, 3.47% baki Klorin, 4.96% dan Aluminium, 58.52%. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
Pencapaian Program QAP LRA JKR Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	E-coli & Baki Klorin QAP = < 0.20 *			E-coli QAP = < 0.4*			Kekeruhan QAP = < 2.0			Baki Klorin QAP = < 2.3*			Aluminium QAP = < 10.2		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C	A	B	C
2011	2,924	2	0.07%	3,261	31	0.95%	2,095	25	1.19%	3,119	102	3.27%	464	169	36.42%
2012	3,785	7	0.18%	4,122	42	1.02%	2,376	53	2.23%	4,087	118	2.89%	594	165	27.78%
2013	2,357	6	0.25%	2,967	11	0.37%	1,701	59	3.47%	2,805	139	4.96%	446	261	58.52%

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota: **A** – Bilangan Sampel Yang Diuji

**B** – Bilangan Sampel Ketidakpatuhan

**C** – Peratusan Ketidakpatuhan

\* - QAP Tahun 2013 bagi E-coli & Baki Klorin=<0.10

E-coli                   =<0.35

Baki Klorin           =<1.85

**1.4.4.3.** Analisis Audit mendapati bahawa peratusan ketidakpatuhan parameter Aluminium bagi LRA JKR yang tidak dipatuhi menunjukkan penurunan daripada 36.42% pada tahun 2011 kepada 27.78% pada 2012 tetapi meningkat kepada 58.52% pada tahun 2013. Selain itu, peratusan parameter baki Klorin juga menunjukkan penurunan daripada 3.27% pada tahun 2011 kepada 2.89% pada 2012 tetapi meningkat kepada 4.96% pada tahun 2013. Pihak Audit tidak mendapat sebarang bukti bahawa satu tindakan penambahbaikan serta merta telah diambil untuk menangani ketidakpatuhan parameter Aluminium dan baki Klorin di LRA tersebut. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 22 April 2014, menyatakan bahawa memorandum rasmi telah dikeluarkan pada bulan Mac 2014 kepada semua Pejabat JKR Bahagian untuk mengambil tindakan pembaikan serta-merta terhadap loji rawatan air yang ada pelanggaran.**

Pada pendapat Audit, Majlis Sumber Air Negeri Sarawak perlu mengambil langkah menyiasat serta memastikan ketidakpatuhan parameter yang ditetapkan oleh KKM dilakukan serta merta semasa keputusan ujian sampel diperoleh untuk memastikan kualiti air terawat adalah selamat untuk penggunaan awam.

#### 1.4.5. Keselamatan Kawasan LRA

**1.4.5.1.** Kawasan LRA hendaklah berada dalam keadaan selamat dan terpelihara bagi memastikan fungsi pembekalan air bersih kepada pengguna dapat diteruskan tanpa ancaman dan gangguan dari luar. Lawatan Audit pada bulan Mei 2013 ke tapak LRA di Sundar, Trusan, Gelugus, Kuala Lawas, Merapok, Wilayah Trusan Fasa 2, Punang dan pada bulan Oktober 2013 ke tapak LRA di Lundu, Tapah, Sematan, Siniawan, Bau dan Serian mendapati kesemua LRA ini berada di kawasan berpagar. Lawatan Audit ke LRA mendapati tiada *railing* seperti di **Gambar 1.16** dan **Gambar 1.17** dipasang di sekeliling tangki rawatan air sebagai langkah keselamatan untuk pekerja.

**Gambar 1.16**  
**Tiada Railing Di Tangki Rawatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Trusan  
Tarikh: 21 Mei 2013

**Gambar 1.17**  
**Tiada Railing Di Tangki Rawatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: LRA Siniawan  
Tarikh: 10 Oktober 2013

- a. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 15 Januari 2014, menyatakan bahawa pemasangan *railing* pada tangki rawatan air dibuat bagi LRA yang besar. Bagaimanapun bagi LRA yang berkapasiti 0.655 MLD, ianya agak sempit dan kurang ekonomik untuk dipasang *railing*. Jabatan Kerja Raya Sarawak juga memaklumkan bahawa inisiatif telah diambil dengan memberi latihan kepada seorang pegawai untuk menjalani kursus *Safety and Health Officer* bagi memastikan Polisi Keselamatan Cawangan Bekalan Air dilaksanakan dengan lebih berkesan.**

Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan di LRA adalah baik.

### 1.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pengoperasian dan penyenggaraan loji rawatan air adalah disyorkan Jabatan Kerja Raya Sarawak mengambil tindakan seperti berikut:

**1.5.1.** Jabatan Kerja Raya hendaklah menyediakan bajet penyenggaraan loji rawatan air mengikut jadual penyenggaraan pencegahan tahunan selaras dengan Perintah-Perintah Tetap Pihak Berkuasa Bekalan Air JKR bagi setiap loji rawatan air supaya loji rawatan air boleh berfungsi dengan efisien, menjamin kualiti bekalan air terawat serta mengurangkan kerosakan.

**1.5.2.** Jabatan Kerja Raya Sarawak hendaklah memastikan pemantauan rapi dibuat terhadap kontraktor penyenggaraan supaya mutu kerja standard dan spesifikasi kontrak dipatuhi.

**1.5.3.** Majlis Sumber Air Negeri Sarawak hendaklah mewujudkan prosedur bagi kejadian di mana ujian sampel oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah di luar norma yang ditetapkan untuk disiasat dan diambil tindakan serta merta.

**1.5.4.** Kerajaan Negeri Sarawak perlu mempertimbangkan penubuhan satu Jabatan Khas bagi menguruskan semua Loji Rawatan Air di seluruh negeri Sarawak yang tidak tertakluk di bawah Agensi Bekalan Air agar pengurusannya lebih sistematik dan teratur.

**MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN  
MAJLIS PERBANDARAN SIBU  
MAJLIS DAERAH SAMARAHAN  
MAJLIS DAERAH SERIAN  
MAJLIS DAERAH MARADONG DAN JULAU  
MAJLIS DAERAH SARATOK  
MAJLIS DAERAH LUAR BANDAR SIBU**

## **2. PENGURUSAN PEROLEHAN**

### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan, 1996 (Ordinan) memberi kuasa kepada 25 PBT di seluruh negeri Sarawak untuk melaksanakan tanggungjawab mentadbir, mengurus, membangun dan menguatkuasakan undang-undang di kawasan pentadbiran masing-masing. Antara peranan PBT adalah memberi perkhidmatan seperti menyedia dan menyenggara infrastruktur, menjalankan projek pembangunan, menyedia kemudahan awam serta meluluskan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan. Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat perolehan bagi memastikan tanggungjawab dan perkhidmatan dilaksanakan dengan memuaskan.

**2.1.2.** Perolehan PBT adalah termasuk pelaksanaan projek pembangunan, perolehan kerja, aset dan bekalan untuk tujuan operasi harian PBT. Pembayaan perbelanjaan perolehan PBT adalah dari peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan peruntukan PBT sendiri. Perolehan dibuat secara pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Peraturan, undang-undang dan dokumen rujukan yang diguna pakai dalam mengurus perbelanjaan perolehan adalah Ordinan, The Local Authorities Financial Regulations 1997 (LAFR 1997), Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, peraturan kewangan negeri, peraturan kewangan Persekutuan bagi peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pekeliling yang berkuat kuasa.

**2.1.3.** Bagi tahun 2011 hingga 2013, PBT telah menerima peruntukan sejumlah RM988.69 juta daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan dana PBT sendiri. Sumber peruntukan PBT adalah sejumlah RM175.05 juta daripada Kerajaan Persekutuan, RM291.40 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM522.24 juta daripada dana PBT sendiri. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM848.31 juta atau 85.8% telah dibelanjakan oleh PBT bagi melakukan 29,639 perolehan. Perbelanjaan terdiri daripada sejumlah RM152.70 juta atau 87.2% peruntukan Kerajaan Persekutuan, RM249.95 juta atau 85.8% peruntukan Kerajaan Negeri dan RM445.66 juta atau 85.3% peruntukan PBT. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1****Peruntukan Dan Perbelanjaan Perolehan PBT Sarawak Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Sumber Kewangan	Bil. Perolehan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Persekutuan	1,492	175.05	152.70	87.2
2.	Negeri	2,028	291.40	249.95	85.8
3.	PBT	26,119	522.24	445.66	85.3
<b>Jumlah</b>		<b>29,639</b>	<b>988.69</b>	<b>848.31</b>	<b>85.8</b>

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

**2.1.4.** Bagi tahun 2011 hingga 2013, PBT telah membelanjakan sejumlah RM848.31 juta untuk membuat 29,639 perolehan dengan menggunakan kaedah pembelian terus, tender, sebut harga dan rundingan terus. Pihak Berkuasa Tempatan telah membuat 24,351 perolehan dengan menggunakan kaedah pembelian terus bernilai RM160.36 juta atau 18.9%, 2,955 perolehan melalui tender bernilai RM571.85 juta atau 67.4%, 2,311 perolehan melalui kaedah sebut harga bernilai RM110.80 juta atau 13.1% dan 22 perolehan melalui kaedah rundingan terus bernilai RM5.30 juta atau 0.6% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan perolehan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2****Kaedah Perolehan PBT Sarawak Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Kaedah Perolehan	Bil. Perolehan	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pembelian Terus	24,351	160.36	18.9
2.	Tender	2,955	571.85	67.4
3.	Sebut Harga	2,311	110.80	13.1
4.	Rundingan Terus	22	5.30	0.6
<b>Jumlah</b>		<b>29,639</b>	<b>848.31</b>	

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan oleh PBT telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai matlamatnya serta mematuhi undang-undang dan prosedur yang ditetapkan.

## 2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan pengurusan perolehan meliputi tahun 2011 hingga 2013 di Majlis Perbandaran Padawan (MP Padawan), Majlis Perbandaran Sibu (MP Sibu), Majlis Daerah Samarahan (MD Samarahan), Majlis Daerah Serian (MD Serian), Majlis Daerah Maradong dan Julau (MD Maradong dan Julau), Majlis Daerah Saratok (MD Saratok) dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibu (MD Luar Bandar Sibu). Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen untuk setiap perolehan yang dipilih serta membuat analisis terhadap data. Selain itu, lawatan Audit bersama pegawai PBT berkaitan ke tapak projek yang dipilih dan temu bual juga dijalankan untuk mendapat maklum balas.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2014 mendapati pada keseluruhannya pengurusan perolehan di MP Padawan, MP Sibu, MD Samarahan, MD Serian, MD Maradong dan Julau, MD Saratok dan MD Luar Bandar Sibu adalah memuaskan dari segi perancangan, pemantauan, prestasi perbelanjaan dan pengurusan peruntukan kecuali terdapat kes di mana:

- Perancangan perolehan kurang memuaskan di MP Padawan.
- Projek siap tidak digunakan di MP Padawan dan MD Samarahan.
- Peruntukan tidak diguna bagi maksud asal di MD Serian.
- Pengurusan tong sampah tidak teratur di MD Serian, MD Saratok dan MD Samarahan.
- Perolehan tidak selaras dengan peraturan kewangan di MP Sibu serta MD Maradong dan Julau.

### **2.4.1. Prestasi Perolehan PBT**

**2.4.1.1.** Bagi tahun 2011 hingga 2013, tujuh PBT yang dipilih untuk pengauditan iaitu MP Sibu, MP Padawan, MD Samarahan, MD Serian, MD Maradong dan Julau, MD Saratok dan MD Luar Bandar Sibu telah mendapat peruntukan sejumlah RM352.13 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM328.46 juta atau 93.3% daripada peruntukan tersebut. Peruntukan sejumlah RM57.96 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan, RM110.49 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM183.68 juta daripada dana PBT yang berkaitan. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM55.87 juta atau 96.4% peruntukan Kerajaan Persekutuan, RM104.60 juta atau 94.7% peruntukan Kerajaan Negeri dan RM167.99 juta atau 91.5% peruntukan PBT telah dibelanjakan bagi tujuan membuat 7,411 perolehan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**

**Peruntukan Dan Perbelanjaan Perolehan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Sumber Kewangan	Bilangan Perolehan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Persekutuan	235	57.96	55.87	96.4
2.	Negeri	296	110.49	104.60	94.7
3.	PBT	6,880	183.68	167.99	91.5
<b>Jumlah</b>		<b>7,411</b>	<b>352.13</b>	<b>328.46</b>	<b>93.3</b>

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

**2.4.1.2.** Bagi tahun 2011 hingga 2013, PBT telah membelanjakan sejumlah RM328.46 juta untuk membuat 7,411 perolehan. Pihak Berkuasa Tempatan telah membuat 6,176 perolehan dengan menggunakan kaedah pembelian terus bernilai RM77.32 juta atau 23.6%, 449 tender bernilai RM46.51 juta atau 14.1%, 777 sebut harga bernilai RM200.69 juta atau 61.1% dan 9 perolehan secara rundingan terus bernilai RM3.94 juta atau 1.2%

daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan perolehan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Kaedah Perolehan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Kaedah Perolehan	Bil. Perolehan	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Pembelian Terus	6,176	77.32	23.6
2.	Tender	449	46.51	14.1
3.	Sebut Harga	777	200.69	61.1
4.	Rundingan Terus	9	3.94	1.2
<b>Jumlah</b>		<b>7,411</b>	<b>328.46</b>	

Sumber: Pihak Berkuasa Tempatan

#### **2.4.2. Perancangan Perolehan Kurang Memuaskan**

Perancangan projek hendaklah mengambil kira keperluan, keadaan kawasan projek, struktur dan reka bentuk, keselamatan dan impak sekiranya projek dilaksanakan kepada penduduk di kawasan yang berkenaan. Semakan terhadap dokumen dan lawatan Audit ke tapak projek mendapati 2 projek pembangunan MP Padawan dijalankan tanpa perancangan yang teliti. Maklumat lanjut projek yang berkenaan adalah seperti berikut:

##### **2.4.2.1. Projek Membina Dan Menyiapkan Pusat Penjaja Di Kampung Haji Bakie, Lot 91, Block 46, KCLD Jalan Batu Kitang, Kuching**

- a. Projek membina dan menyiapkan pusat penjaja di Kampung Haji Bakie, Lot 91, Block 46, KCLD Jalan Batu Kitang, Kuching melibatkan kos RM145,538 telah dilaksanakan pada 13 Februari 2013 dan siap sepenuhnya pada 8 Julai 2013. Pusat penjaja tersebut telah digunakan oleh 8 penjual makanan dan kuih-muih.
- b. Lawatan dan hasil temu bual Audit dengan penjaja di pusat penjaja tersebut pada 10 Mac 2014 dan 3 April 2014 mendapati penjaja bersetuju dengan kesesuaian lokasi sebagai pusat penjaja. Bagaimanapun, penjaja tidak berpuas hati dengan struktur dan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, tandas dan tong sampah yang tidak disediakan di pusat penjaja tersebut. Struktur dan reka bentuk pusat penjaja dengan ketinggian 6 meter kurang sesuai menyebabkan bahan jualan dan penjaja basah apabila hari hujan. Keadaan adalah seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**. **Maklum balas MP Padawan bertarikh 22 Mei 2014, menyatakan bahawa kos siling projek adalah RM350,000 dan dilaksanakan dalam 3 fasa. Fasa pertama adalah membina struktur, fasa kedua menyediakan kemudahan asas dan fasa ketiga pembinaan pentas dan lain-lain yang bertujuan untuk mempromosi produk pelancongan dan kebudayaan tempatan. Permohonan peruntukan tambahan sejumlah RM100,000 telah diluluskan oleh Kementerian untuk melaksanakan kerja fasa kedua dalam tahun 2014.**

**Gambar 2.1**  
**Struktur Pusat Penjaja Yang Dibina**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Penjaja Kampung Haji Bak  
Tarikh: 10 Mac 2014

**Gambar 2.2**  
**Keadaan Di Pusat Penjaja**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Penjaja Kampung Haji Bak  
Tarikh: 3 April 2014

#### **2.4.2.2. Projek Memasang Susur Tangan, Pagar Kawasan Dan Kerja Berkaitan Di PPR Taman Sri Harmoni, Kuching**

- a. Peruntukan sejumlah RM430,000 telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan di bawah program *National Blue Ocean Strategy 7, My Beautiful Neighbourhood* (NBOS 7). Projek ini melibatkan kos sejumlah RM302,656 dan mula dijalankan pada 26 Ogos 2013, siap pada 12 Disember 2013 iaitu lewat 55 hari daripada tarikh sepatut siap iaitu pada 20 Oktober 2013.
- b. Semakan Audit terhadap spesifikasi dan pelan tapak projek mendapati kawasan laluan pejalan kaki tidak diambil kira dalam pelan pemasangan susur tangan. Ketidaaan susur tangan pada laluan pejalan kaki boleh membahayakan keselamatan pejalan kaki memandangkan longkang adalah berukuran 2 meter x 1.2 meter. Hasil temu bual Audit dengan penghuni di Taman Sri Harmoni mendapati penghuni bersetuju dengan pemasangan susur tangan di kawasan perumahan tersebut tetapi susur tangan perlu dipasang di kawasan laluan pejalan kaki kerana keadaan longkang yang dalam dan besar. Lawatan Audit pada 10 Mac 2014 mendapati keadaan di laluan pejalan kaki yang tidak dipasang susur tangan adalah seperti di **Gambar 2.3 hingga Gambar 2.6. Maklum balas MP Padawan bertarikh 22 Mei 2014, menyatakan bahawa ia menghadapi masalah kekangan masa disebabkan projek perlu disiapkan dalam masa yang singkat dan akan mengambil tindakan memasang susur tangan yang belum dipasang dengan menggunakan peruntukan Majlis.**

**Gambar 2.3**  
**Laluan Pejalan Kaki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPR Taman Sri Harmoni  
Tarikh: 10 Mac 2014

**Gambar 2.4**  
**Laluan Yang Sentiasa Diguna Oleh Penghuni**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPR Taman Sri Harmoni  
Tarikh: 10 Mac 2014

**Gambar 2.5**  
**Kedalaman Parit Konkrit Di Laluan Pejalan Kaki**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPR Taman Sri Harmoni  
Tarikh: 10 Mac 2014

**Gambar 2.6**  
**Kedalaman Parit Konkrit**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPR Taman Sri Harmoni  
Tarikh: 10 Mac 2014

Pada pendapat Audit, MP Padawan hendaklah mengenal pasti keperluan, keadaan kawasan projek, struktur dan reka bentuk, keselamatan dan impak sekiranya projek dilaksanakan kepada penduduk di kawasan yang berkenaan bagi memastikan projek yang dilaksanakan mencapai objektif ianya dilaksanakan.

#### 2.4.3. Projek Siap Tidak Digunakan

Pekeling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan semua aset Kerajaan hendaklah diguna dan diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mengelakkan pembaziran, menjimatkan kos, memanjangkan jangka hayat, mencegah penyalahgunaan dan mengelakkan kehilangan.

#### **2.4.3.1. Projek Pembinaan Terminal Bas Kota Samarahan**

Projek ini mendapat peruntukan sejumlah RM2 juta daripada Kerajaan Negeri dan telah dilaksanakan berdasarkan kaedah *Design, Build And Deferred Payment*. Projek dilaksanakan pada 28 November 2012 dan siap sepenuhnya pada 25 Mei 2013 dengan kos sejumlah RM1.97 juta. Terminal bas ini dibina dengan kelengkapan 4 kaunter untuk penjualan tiket bas, 1 ruang pejabat dan 1 kedai runcit untuk disewa. Setakat bulan Mac 2014, 3 kaunter untuk penjualan tiket bas telah disewa oleh 3 syarikat pengangkutan bas dengan kadar sewa sejumlah RM150 sebulan untuk 1 kaunter. Manakala ruang pejabat telah disewa dengan kadar RM600 sebulan dan kedai runcit dengan kadar sewa sejumlah RM450 sebulan. Lawatan Audit ke tapak projek pada 10 Februari 2014 mendapati semua penyewa belum menggunakan terminal bas ini dan syarikat pengangkutan bas sedia ada masih menggunakan terminal bas lama yang berhampiran dengan pangkalan feri Kota Samarahan. Selain itu, lokasi terminal bas tersebut didapati tidak berada di laluan perjalanan bas yang sedang beroperasi di Kota Samarahan pada masa ini. Keadaan adalah seperti di **Gambar 2.7** dan **Gambar 2.8**. **Maklum balas MD Samarahan bertarikh 22 Mei 2014, menyatakan tindakan telah diambil dengan mengarahkan penyewa dan syarikat bas untuk memulakan operasi di terminal bas baru. Stesen bas lama akan digunakan sebagai perhentian bas untuk menurunkan dan mengambil penumpang sahaja.**

**Gambar 2.7**  
**Terminal Bas Yang Siap Dibina**  
**Sejak 25 Mei 2013**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Terminal Bas, Kota Samarahan  
Tarikh: 10 Februari 2014

**Gambar 2.8**  
**Terminal Bas Yang Siap Dibina Pada**  
**25 Mei 2013 Tetapi Belum Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Terminal Bas, Kota Samarahan  
Tarikh: 10 Februari 2014

#### **2.4.3.2. Projek Membina Dan Menyiapkan Pusat Penjaja Di Kampung Bumbok, Lot 359, Block 237, KNLD Jalan Batu Kitang, Kuching**

- a. Projek membina dan menyiapkan pusat penjaja di Kampung Bumbok, Lot 359, Block 237, KNLD Jalan Batu Kitang, Kuching melibatkan kos sejumlah RM145,538 telah dilaksanakan pada 13 Februari 2013 dan siap sepenuhnya pada 8 Julai 2013.

- b. Tapak projek ini adalah 96 meter daripada tapak lama dan dilaksanakan bagi menempatkan semula penjaja sedia ada yang berniaga di tepi jalan. Lawatan Audit pada 27 Februari 2014 dan 10 Mac 2014 mendapati pusat penjaja ini belum digunakan oleh penjaja disebabkan lokasi yang kurang sesuai, tiada kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, laluan akses ke tapak penjaja baru yang kurang baik dan kawasan tidak disenggarakan oleh PBT. Temu bual dengan penjaja mendapati mereka tidak bersetuju dengan lokasi, struktur serta keadaan pusat penjaja dan masih berniaga di lokasi lama yang lebih strategik. Keadaan adalah seperti di **Gambar 2.9** hingga **Gambar 2.11**. **Maklum balas MP Padawan bertarikh 22 Mei 2014**, menyatakan bahawa lokasi pusat penjaja tersebut dicadangkan dan dipersebutui semasa lawatan pemeriksaan tapak MP Padawan bersama penjaja. Selain itu, ianya akan dilaksanakan dalam 3 fasa dan kelulusan telah diperoleh daripada Kementerian bagi melaksanakan fasa kedua dalam tahun 2014.

**Gambar 2.9**  
Kawasan Pusat Penjaja Lama



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Penjaja Kampung Bumbok  
Tarikh: 10 Mac 2014

**Gambar 2.10**  
Pusat Penjaja Yang Siap Dibina Pada 8 Julai 2013 Yang Masih Tidak Diguna



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Penjaja Kampung Bumbok  
Tarikh: 27 Februari 2014

**Gambar 2.11**  
Laluan Akses Ke Pusat Penjaja Kurang Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Penjaja Kampung Bumbok  
Tarikh: 10 Mac 2014

Pada pendapat Audit, MP Padawan dan MD Samarahan hendaklah mengambil tindakan agar pusat penjaja dan terminal bas yang dibina digunakan dengan segera.

#### 2.4.4. Peruntukan Tidak Digunakan Bagi Maksud Asal

Peruntukan yang diterima hendaklah digunakan bagi tujuan asal ianya diperuntukkan. Peruntukan MARRIS telah disalurkan oleh Kementerian kepada PBT untuk tujuan kerja menampal jalan, menaik taraf bahu jalan, kerja memotong rumput, menyenggara perabot jalan, menyenggara jambatan, mengecat tanda jalan dan mencuci tepi jalan. Semakan Audit terhadap perolehan di MD Serian mendapati peruntukan MARRIS sejumlah RM253,501 telah digunakan untuk perolehan selain yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Perbelanjaan yang tidak berkaitan adalah untuk pembayaran bil elektrik, pemasangan logo dan bendera, membaik pulih pondok bas, mengecat replika, membina pentas, meroboh papan iklan dan pembelian alatulis pejabat. **Maklum balas MD Serian bertarikh 28 Mac 2014, menyatakan perolehan menggunakan peruntukan MARRIS disebabkan peruntukan Majlis tidak mencukupi dan kesilapan caj kepala vot.**

Pada pendapat Audit, MD Serian hendaklah memastikan peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan digunakan bagi maksud asal ianya diperuntukkan.

#### 2.4.5. Pengurusan Tong Sampah Tidak Teratur

2.4.5.1. Perolehan aset hendaklah berdasarkan keperluan serta perlu didaftarkan dan disenggara dengan baik bagi memastikan kualiti dijamin, mengelakkan kerosakan, kehilangan dan memanjangkan jangka hayat aset tersebut. Semakan Audit terhadap perolehan tong sampah berkapasiti 120L/240L di MD Serian dan MD Samarahan mendapati terdapat perolehan yang dibuat pada tahun 2011 yang masih belum diagihkan. Semakan Audit seterusnya, mendapati daftar inventori tidak dikemaskinikan serta pembelian melangkaui keperluan yang menimbulkan masalah penyimpanan dan mendedahkan kepada kemungkinan berlakunya kecurian. Lawatan Audit ke MD Serian, MD Saratok dan MD Samarahan mendapati bahawa perolehan tong sampah telah dilakukan untuk keperluan 3 tahun. Oleh yang demikian, diperhatikan stok yang banyak masih terdapat di kawasan pejabat. Butiran lanjut dan keadaan di pusat penyimpanan aset adalah seperti di **Jadual 2.5** dan **Gambar 2.12 hingga Gambar 2.14**.

**Jadual 2.5**

**Tong Sampah Tidak Diurus Dengan Teratur**

Bil.	PBT	Butiran Perolehan				Catatan
		Tahun	Bil. Diterima	Bil. Diagih	Baki	
1.	MD Serian	2011-2013	1,798	1,443	355	Tong sampah disimpan di kawasan depo PBT
2.	MD Saratok	2013	680	39	641	Tong sampah disimpan di kawasan pejabat PBT
3.	MD Samarahan	2011	119	TM	TM	Tong sampah disimpan di kawasan bangunan perpustakaan Daftar Inventori tidak kemas kini

Sumber: Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Saratok dan Majlis Daerah Samarahan

Nota: TM - Tiada Maklumat

**Gambar 2.12  
Keadaan Tong Sampah  
Yang Belum Diagihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Depo Majlis Daerah Serian  
Tarikh: 6 Mac 2014

**Gambar 2.13  
Keadaan Tong Sampah  
Yang Belum Diagihkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Majlis Daerah Saratok  
Tarikh: 20 Februari 2014



**Gambar 2.14  
Keadaan Tong Sampah  
Yang Belum Diagihkan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perpustakaan Majlis Daerah Samarahan  
Tarikh: 14 Mac 2014

**2.4.5.2. Maklum balas MD Serian bertarikh 28 Mac 2014, menyatakan bahawa tindakan penyimpanan tong sampah dengan teratur telah diambil pada 16 Mac 2014. Maklum balas MD Saratok bertarikh 21 Mei 2014, menyatakan bahawa 556 tong sampah telah diagihkan dan baki akan diagihkan secara berperingkat. Tong sampah disimpan di kawasan pejabat bagi mengelakkan kehilangan. Maklum balas MD Samarahan bertarikh 3 April 2014, menyatakan bahawa tong sampah akan diagihkan kepada orang awam yang membayar cukai taksiran, tindakan penyimpanan telah diambil terhadap baki tong sampah yang belum diagihkan dan daftar inventori yang berkaitan telah digunakan mulai 2014.**

Pada pendapat Audit, MD Serian, MD Saratok dan MD Samarahan hendaklah melakukan perolehan mengikut keperluan dan tidak menyimpan baki stok yang terlalu banyak. Pihak Audit juga berpendapat bahawa PBT hendaklah memastikan aset yang telah diperoleh disimpan dengan teratur dan rekod aset dikemaskinikan dengan seujarnya bagi memastikan pengurusan aset adalah memuaskan.

#### **2.4.6. Perolehan Tidak Selaras Dengan Peraturan Kewangan**

Peraturan kewangan menetapkan Pesanan Tempatan dikeluarkan oleh pegawai yang telah diberi kuasa semasa pesanan dibuat untuk perolehan bekalan atau kerja dibuat oleh PBT. Semakan Audit terhadap 350 sampel Pesanan Tempatan MP Padawan, MP Sibu, MD Samarahan, MD Serian, MD Maradong dan Julau, MD Saratok dan MD Luar Bandar Sibu mendapati 7 Pesanan Tempatan di MP Sibu dan 10 Pesanan Tempatan di MD Maradong dan Julau tidak dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan. Kelewatan adalah di antara 9 hingga 254 hari. **Maklum balas MP Sibu bertarikh 22 Mei 2014, menyatakan bahawa tindakan telah diambil dengan mengeluarkan Standard Prosedur Kerja untuk memastikan perolehan diurus dengan cekap, telus dan saksama. Maklum balas MD Maradong dan Julau bertarikh 27 Mac 2014, menyatakan bahawa Pesanan Tempatan tidak dikeluarkan terlebih dahulu disebabkan perolehan perlu dibuat dengan segera dan pembayaran dibuat selepas kelulusan peruntukan tambahan diterima daripada Kementerian.**

Pada pendapat Audit, amalan perolehan tanpa pengeluaran Pesanan Tempatan bercanggah dengan peraturan kewangan dan tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap sebarang pelanggaran peraturan kewangan.

#### **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan perolehan di Majlis Perbandaran Padawan, Majlis Perbandaran Sibu, Majlis Daerah Samarahan, Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Maradong dan Julau, Majlis Daerah Saratok serta Majlis Daerah Luar Bandar Sibu menjurus kepada amalan terbaik dan kelemahan yang dibangkitkan di dalam laporan tidak berulang adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

**2.5.1.** Majlis Perbandaran Padawan hendaklah mengenal pasti keperluan, keadaan kawasan projek, struktur dan reka bentuk, keselamatan dan impak sekiranya projek dilaksanakan kepada penduduk di kawasan yang berkenaan bagi memastikan projek yang dilaksanakan mencapai objektif ianya dilaksanakan.

**2.5.2.** Majlis Perbandaran Padawan dan Majlis Daerah Samarahan hendaklah mengambil tindakan agar pusat penjaja dan terminal bas yang dibina digunakan dengan segera.

**2.5.3.** Majlis Daerah Serian hendaklah memastikan peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan digunakan bagi maksud asal ianya diperuntukkan.

**2.5.4.** Majlis Daerah Serian, Majlis Daerah Saratok dan Majlis Daerah Samarahan hendaklah melakukan perolehan mengikut keperluan dan tidak menyimpan baki stok yang terlalu banyak. Aset yang telah diperoleh hendaklah disimpan dengan teratur dan rekod aset dikemaskinikan dengan sewajarnya.

**2.5.5.** Majlis Perbandaran Sibu serta Majlis Daerah Maradong dan Julau hendaklah memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya dan tindakan perlu diambil terhadap sebarang pelanggaran peraturan kewangan.

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PERHUBUNGAN SARAWAK

### 3. PENGURUSAN KUTIPAN DIUS PELABUHAN NEGERI SARAWAK

#### 3.1. LATAR BELAKANG

**3.1.1.** Negeri Sarawak mempunyai 5 pelabuhan utama yang telah ditubuhkan melalui *The Port Authorities Ordinance, 1961*. Lembaga Pelabuhan Negeri tersebut adalah Lembaga Pelabuhan Kuching (LPK), Lembaga Pelabuhan Rajang (LPR), Lembaga Pelabuhan Miri (LPM), Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis (LPTM) dan Lembaga Pelabuhan Samalaju (LPS). Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak (MIDCom) merupakan kementerian yang bertanggungjawab dalam menggubal dasar, mengkoordinasi dan menyelia aktiviti pelabuhan Negeri. Mengikut Seksyen 9, *The Port Authorities Ordinance, 1961* setiap Lembaga Pelabuhan Negeri berperanan untuk menyedia dan menyenggara kemudahan perkhidmatan pelabuhan dengan mencukupi dan cekap, mengkoordinasi aktiviti pelabuhan, memasarkan kemajuan dan pembangunan pelabuhan serta menjalankan kerja yang diperlukan untuk tujuan tersebut. Hasil utama Lembaga Pelabuhan Negeri diperoleh melalui caj pemunggahan kargo, pengendalian dermaga, perkhidmatan bot tunda, penyewaan gudang dan dius pelabuhan berdasarkan sempadan pelabuhan yang telah diwartakan.

**3.1.2.** Dius pelabuhan merupakan hasil kerajaan negeri seperti yang telah dinyatakan pada Bahagian V, Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan manakala tugas mengutip dius pelabuhan pula adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pelabuhan Negeri bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Kadar caj yang dikenakan adalah RM2 per tan metrik atau setiap penumpang seperti diperuntukkan dalam Jadual I, Peraturan 3 – 1, *The Port Authorities Ordinance, 1961*. Caj dius pelabuhan dikenakan kepada syarikat atau agen perkапalan yang menggunakan jeti swasta atau persendirian dalam urusan pengendalian dan pemunggahan kargo. Kargo yang dibenarkan untuk *sufferance* atau dikenakan dius adalah kayu balak dan kayu gergaji, bahan binaan, gas cecair dan petroleum serta barang berbahaya yang mudah meletup sama ada menggunakan jeti swasta/persendirian, saluran paip, *Single Buoy Mooring* dan bersauh di tengah laut. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, Lembaga Pelabuhan di Sarawak mengendalikan sebanyak 23.94 juta tan metrik iaitu jumlah keseluruhan kuantiti barang seperti petroleum, kayu balak dan kayu gergaji, arang batu dan bahan binaan dengan nilai kutipan dius berjumlah RM48.58 juta telah dikutip. **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2** menunjukkan aktiviti pemunggahan dan pemindahan kargo dan barang sedang dijalankan di tempat bersauh.

**Gambar 3.1**  
**Pemunggahan Kayu Balak Untuk Tujuan Eksport Sedang Dilakukan**



Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.  
Lokasi: Perairan Tanjung Manis  
Tarikh: 21 Februari 2014

**Gambar 3.2**  
**Pemunggahan Arang Batu Dari Tongkang Ke Kapal Induk Sedang Dilakukan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perairan Tanjung Manis  
Tarikh: 27 Februari 2014

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan kutipan dius pelabuhan oleh Lembaga Pelabuhan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan kutipan dius pelabuhan oleh Lembaga Pelabuhan Negeri bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pengauditan ini dijalankan di MIDCom, LPK, LPR, LPM, LPTM, Jabatan Perbendaharaan Negeri (Perbendaharaan), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS) dan Jabatan Laut Sarawak (Marin). Bagi tujuan ini, pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod/dokumen dan menganalisis data serta *system walk-through* berkaitan dius pelabuhan bagi tempoh 2011 hingga 2013. Lawatan ke LPK, LPR, LPM dan LPTM serta temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mac 2014 mendapati prestasi keseluruhan pengurusan kutipan dius pelabuhan negeri Sarawak adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditambah baik. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Pengesahan terhadap ketepatan kuantiti muatan kurang memuaskan.
- Kawalan dalaman terhadap terimaan dius kurang memuaskan.
- Pemeriksaan terhadap *sufferance wharf* tidak dijalankan secara menyeluruh.
- Daftar jeti swasta/persendirian tidak diselenggara dan dikemaskini.

### 3.4.1. Kutipan Dius Pelabuhan Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

**3.4.1.1.** Mengikut *The Port Authorities Ordinance, 1961* dan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Sarawak No.3/2012, Lembaga Pelabuhan Negeri dikehendaki menyediakan anggaran hasil tahunan untuk diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Anggaran hasil hendaklah disedia berdasarkan justifikasi dan asas pengiraan yang jelas supaya sasaran adalah munasabah dan boleh dicapai. Analisis Audit mendapati bagi tempoh 2011 hingga 2013, Lembaga Pelabuhan Negeri mengutip sejumlah RM48.58 juta dius berbanding sejumlah RM53.36 juta yang disasarkan iaitu pencapaian 91% daripada yang disasarkan. Kutipan dius berjumlah RM48.58 juta yang dikutip adalah terdiri daripada barang seperti petroleum, kayu balak, kayu gergaji, arang batu dan bahan binaan dengan kuantiti muatan berjumlah 23.94 juta tan metrik melibatkan sejumlah 11,609 kapal yang telah didaftarkan.

**3.4.1.2.** Analisis Audit terhadap trend kutipan dius bagi tempoh yang sama mendapati berlaku peningkatan sejumlah RM0.65 juta atau 4.1% iaitu dari RM15.70 juta pada tahun 2011 kepada RM16.35 juta pada tahun 2012. Manakala pada tahun 2013 ia meningkat sejumlah RM0.18 juta atau 1.1% iaitu dari RM16.35 juta pada tahun 2012 kepada RM16.53 juta pada tahun 2013. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.

**Jadual 3.1**


Prestasi Kutipan Dius Pelabuhan Negeri Sarawak Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013

Lembaga	2011			2012			2013			Jumlah Keseluruhan		
	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Beza (%)	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Beza (%)	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Beza (%)	Sasaran (RM Juta)	Sebenar (RM Juta)	Beza (%)
LPK	1.25	0.99	(20.8)	1.00	1.68	68	1.08	2.08	92.6	3.33	4.75	42.6
LPR	7.50	6.27	(12.9)	3.00	3.10	3.3	0.80	0.74	(7.5)	11.3	10.11	(10.5)
LPM	9.32	8.44	(6.0)	9.74	8.01	(17.7)	10.17	8.54	(16.0)	29.23	24.99	(14.5)
LPTM	-	-	-	3.00	3.56	18.7	6.50	5.17	(20.5)	8.00	8.73	(8.1)
<b>Jumlah</b>	<b>18.07</b>	<b>15.70</b>	<b>(13.1)</b>	<b>16.74</b>	<b>16.35</b>	<b>(2.3)</b>	<b>18.55</b>	<b>16.53</b>	<b>(10.9)</b>	<b>53.36</b>	<b>48.58</b>	<b>(8.9)</b>

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Dan Lembaga Pelabuhan Kuching, Rajang, Miri Dan Tanjung Manis

**Carta 3.1**  
Prestasi Kutipan Dius Pelabuhan Negeri Sarawak  
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

RM Juta



Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri, Lembaga Pelabuhan Kuching, Rajang, Miri Dan Tanjung Manis

Pada pendapat Audit, Akauntan Negeri dan Lembaga Pelabuhan Negeri perlu menyediakan anggaran kutipan dius tahunan berdasarkan faktor penambahan/pengurangan bilangan kapal yang keluar/masuk, bilangan jeti swasta/persendirian dan menganalisis trend pengeluaran barang import/eksport atau berdasarkan rekod kutipan dius sebenar tahun sebelum.

### 3.4.2. Pengesahan Terhadap Ketepatan Kuantiti Muatan Kurang Memuaskan

3.4.2.1. Lembaga Pelabuhan Negeri hendaklah membuat semakan, pengukuran dan mengesahkan ketepatan kuantiti muatan barang yang diisyiharkan agen perkapalan seperti diisyiharkan melalui Borang Manifest bagi memastikan jumlah kutipan dius yang dikenakan adalah betul sebelum inbois dikeluarkan. Ini penting kerana kuantiti muatan barang akan menentukan jumlah kutipan dius yang boleh dikutip oleh Lembaga Pelabuhan Negeri. Semakan Audit mendapati keperluan pengesahan kuantiti muatan bagi dius pelabuhan tidak dinyatakan dalam Ordinan, Manual Prosedur Kerja dan Arahan Kerja bagi semua pelabuhan. **Maklum balas daripada MIDCom bertarikh 28 Mac 2014, mengakui tiada SOP yang seragam berhubung kaedah pengesahan kuantiti muatan dan kutipan dius bagi semua Lembaga Pelabuhan Negeri.**

3.4.2.2. Semakan Audit seterusnya mendapati Lembaga Pelabuhan Negeri tidak membuat pengesahan atau semakan terhadap jumlah kuantiti muatan barang yang diisyiharkan pada Borang Manifest atas alasan barang tersebut telah disahkan oleh pihak Kastam. Jabatan Kastam hanya mengesahkan jenis barang dan tiada pengesahan kuantiti muatan barang dilakukan. Sungguhpun begitu mengikut **maklum balas daripada Kastam bertarikh 31 Mac 2014, menyatakan kuantiti barang adalah sebagai panduan sahaja kerana pihaknya hanya memberi fokus kepada nilai dan jenis barang. Bagi tujuan ini, pihaknya menggunakan scanner untuk memeriksa jenis barang dan tiada penimbang disediakan untuk menentukan jumlah muatan barang yang dibawa oleh kapal. Maklum balas daripada MIDCom bertarikh 28 Mac 2014, menyatakan ketepatan kerja pihak Kastam tidak diragui dan sangat disanjungi. Pemeriksaan fizikal dilakukan secara rawak sekiranya diperlukan.**

3.4.2.3. Semakan Audit juga mendapati pihak Lembaga Pelabuhan Negeri turut mengeluarkan inbois kepada agen perkapalan berdasarkan kuantiti yang telah disahkan pihak Kastam. Pengesahan ketepatan kuantiti muatan melalui pemeriksaan fizikal oleh Lembaga Pelabuhan Negeri juga tidak dapat dibuat disebabkan masalah kekurangan sumber tenaga pekerja, ketiadaan bot peronda dan peralatan keselamatan yang mencukupi ke tempat kapal bersauh atau jeti swasta/persendirian. Kekurangan operasi melibatkan pemeriksaan fizikal dalam mengesahkan kuantiti muatan yang patut dikenakan dius menyebabkan ketepatan jumlah kutipan dius yang patut dipungut tidak dapat dipastikan. Bagaimanapun bagi LPK, pengesahan kuantiti akan dijalankan sekiranya Unit Suffrage Wharf, Bahagian Keselamatan LPK yang membuat rondaan mendapati ada keraguan terhadap muatan kapal.

**Pada pendapat Audit, pihak MIDCom dan Lembaga Pelabuhan Negeri perlu mewujudkan mekanisma yang seragam untuk mengesahkan kuantiti muatan barang agar hasil dius tidak terkurang kutip.**

### **3.4.3. Kawalan Dalaman Terhadap Terimaan Dius Kurang Memuaskan**

**3.4.3.1.** Kemudahan kredit yang disediakan pihak Lembaga Pelabuhan Negeri mensyaratkan syarikat atau agen perkapalan mengemukakan jaminan sama ada dalam bentuk jaminan bank atau deposit tunai sebagai jaminan urusniaga. Selain itu ia bertujuan untuk memastikan syarikat atau agen perkapalan dapat membuat bayaran dius dalam tempoh yang ditetapkan. Deposit tambahan akan dikenakan sekiranya nilai inbois didapati melebihi jumlah kredit yang dibenarkan. Bayaran dius pelabuhan pula perlu dijelaskan dalam tempoh 21 hari dari tarikh inbois dikeluarkan manakala 60 hari bagi Limbang dan Lawas atas faktor jarak, tempoh masa serta permintaan daripada peniaga tempatan dan agen perkapalan. Surc妖 5% atau 10% dikenakan sekiranya bayaran lewat dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.

**3.4.3.2.** Semakan Audit ke atas proses kerja pengurusan dius pelabuhan mendapati hanya LPK dan LPR ada mensyaratkan jaminan kredit disediakan oleh syarikat atau agen perkapalan sama ada melalui jaminan bank atau deposit tunai. Lembaga Pelabuhan Kuching menetapkan kemudahan kredit perlu dibuat dalam bentuk jaminan bank ataupun deposit tunai manakala LPR mensyaratkan kemudahan kredit hanya dibuat melalui jaminan bank. Bagi LPM dan LPTM pula ada menyediakan kemudahan kredit tetapi tidak mensyaratkan keperluan jaminan tersebut kerana bayaran dius juga boleh dibuat secara tunai atau cek. Semakan Audit seterusnya mendapati jumlah jaminan yang perlu dibayar oleh syarikat atau agen perkapalan tidak dinyatakan dengan jelas dalam Manual Prosedur Kerja dan Arahan Kerja.

**3.4.3.3.** Semakan Audit seterusnya terhadap Laporan Audit Dalam, LPK pada tahun 2013 mendapati 3 penghutang mempunyai inbois berjumlah RM117,529 berbanding jumlah deposit tunainya berjumlah RM57,400. Jumlah deposit tunai tersebut didapati tidak dapat menampung nilai inbois menyebabkan penghutang masih mempunyai baki tunggakan berjumlah RM63,188 termasuk surc妖 semenjak tahun 2009. Bagi LPM pula, setakat akhir tahun 2013, terdapat 4 penghutang mempunyai nilai inbois berjumlah RM62,894. Tiga penghutang dengan hutang dius berjumlah RM51,800 tidak dapat menjelaskan bayaran dius sejak tahun 2007 disebabkan tiada jaminan bank/deposit tunai. Sehubungan itu, pihak LPM telah memohon untuk menghapuskira hutang dius tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri memandangkan syarikat atau agen perkapalan berkenaan tidak lagi beroperasi. Orient Integrated Sdn. Bhd. hanya mempunyai jaminan bank bernilai RM10,000 dan baki sejumlah RM1,094 merupakan surc妖 yang belum dikutip oleh LPM. Manakala bagi LPTM pula, terdapat 2 penghutang dengan hutang dius berjumlah RM158,076 tertunggak sejak tahun 2012. Pihak LPTM tidak dapat mengambil tindakan untuk mengutip bayaran dius disebabkan ketiadaan Jaminan Bank atau Deposit Tunai. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2.**

**Jadual 3.2**

**Jaminan Kredit Tidak Mencukupi/Tiada Untuk Membayar Dius Setakat Akhir Tahun 2013**

Bil.	Agen/Syarikat Perkapalan	Inbois Dius Termasuk Surcaj 5%/10%		Jaminan Bank/ Tunai (RM)			Baki Hutang (RM)
		Tarikh	Amaun (RM)	Asal	Tambahan	Amaun	
<b>Lembaga Pelabuhan Kuching (Jaminan Tunai)</b>							
1.	PB Logistics Agencies	18.08.2010	71,327	1,000	41,000	42,000	30,327
2.	KAT Logistics Agencies	Jun 2009	17,208	3,000	-	3,000	14,208
3.	Star-Link Logistics Services	Sep 2009	28,994	4,000	8,400	12,400	18,653
<b>Jumlah</b>			<b>117,529</b>	<b>8,000</b>	<b>49,400</b>	<b>57,400</b>	<b>63,188</b>
<b>Lembaga Pelabuhan Miri (Jaminan Bank)</b>							
1.	Orient Integrated Sdn. Bhd	04.09.2012	11,094	10,000	-	10,000	1,094
2.	Syarikat Sakura Baggage Transport And Forwarding Agency	2007	46,300	-	-	-	46,300
3.	Ocean Quarry And Construction (M) Sdn. Bhd.	2007	4,700	-	-	-	4,700
4.	TKS Agency	2007	800	-	-	-	800
<b>Jumlah</b>			<b>62,894</b>	<b>10,000</b>	<b>-</b>	<b>10,000</b>	<b>52,894</b>
<b>Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis</b>							
1.	Intercargo Shipping Agencies Sdn. Bhd.	2012	145,396	-	-	-	145,396
2.	Harbour Services Sdn. Bhd	2012	12,680	-	-	-	12,680
<b>Jumlah</b>			<b>158,076</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>158,076</b>
<b>Jumlah Besar</b>			<b>338,500</b>	<b>18,000</b>	<b>49,400</b>	<b>67,400</b>	<b>274,159</b>

Sumber: Lembaga Pelabuhan Kuching, Miri Dan Tanjung Manis

**3.4.3.4. Maklum balas daripada pihak Lembaga Pelabuhan Negeri bertarikh 31 Mac 2014, menyatakan bahawa semua kes berkenaan adalah melibatkan kapal-kapal yang buat pertama kali berurusniaga dengan pihak Lembaga Pelabuhan Negeri. Status dan tindakan terkini terhadap tunggakan hutang tersebut antaranya bagi LPK pihaknya telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 3 syarikat atau agen perkapalan berkenaan. Bagi LPM pula pihaknya telah mengemukakan surat permohonan bagi menghapuskira hutang-hutang tersebut kepada pihak Setiausaha Kewangan Negeri pada 29 Disember 2011, surat peringatan pada tahun 2012 dan 2013 namun masih menanti kelulusan dari pihak berkenaan manakala LPTM akan mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan *Letter of Demand* kepada 2 agen perkapalan berkenaan.**

Pada pendapat Audit, pihak MIDCom perlu menyeragamkan keperluan jaminan kutipan dius ke dalam Manual Prosedur Kerja atau Arahan Kerja termasuk kaedah penetapan amaun yang jelas bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

### **3.4.4. Pemeriksaan Terhadap *Sufferance Wharf* Tidak Dijalankan Secara Menyeluruh**

**3.4.4.1.** Pihak Lembaga Pelabuhan Negeri hendaklah mewujudkan Unit Keselamatan bagi menjaga keselamatan di kawasan pelabuhan dan menjalankan penguatkuasaan secara aktif dalam sempadan pelabuhan yang ditetapkan. Bahagian Penguatkuasaan hendaklah menyediakan jadual pemeriksaan sepanjang tahun bagi memastikan semua kapal yang berlabuh dan memunggah kargo di *Sufferance Wharf* mempunyai permit dan bayaran dius dibayar. **Maklum balas daripada MIDCom bertarikh 28 Mac 2014, menyatakan tiada sasaran spesifik ditetapkan terhadap rancangan tahunan penguatkuasaan kerana ianya dilaksanakan bila mana perlu dan secara rawak.**

**3.4.4.2.** Semakan Audit mendapati hanya LPK dan LPM ada menyediakan rancangan dan menjalankan kerja penguatkuasaan secara aktif. Bagi LPK, tugas pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap *sufferance wharf* dijalankan oleh Unit *Sufferance Wharf*, Bahagian Keselamatan. Lembaga Pelabuhan Kuching mempunyai 12 penguatkuasa dan menjalankan pemeriksaan terhadap 59 *sufferance wharf* yang dibahagikan mengikut zon iaitu Zon 1 (21 *sufferance wharf*), Zon 2 (14 *sufferance wharf*), Zon 3 (12 *sufferance wharf*) dan Zon 4 (12 *sufferance wharf*). Tugas rondaan dan pemeriksaan dijalankan di daratan dan sungai pada setiap hari. Laporan harian berkaitan hasil rondaan disediakan pada hari berikutnya.

**3.4.4.3.** Semakan Audit di LPM pula mendapati, tugas penguatkuasaan dan kerja pemeriksaan keluar/ masuk kapal ke pelabuhan dijalankan oleh Bahagian Keselamatan, Penguatkuasaan Dan Perkhidmatan Bomba. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, Bahagian Keselamatan, Penguatkuasaan Dan Perkhidmatan Bomba telah merancang untuk mengadakan pemeriksaan setiap 3 bulan sekali di *sufferance wharf* dan tempat kapal bersauh di kawasan sempadan pelabuhan Miri termasuk kawasan Limbang dan Lawas yang baharu diwartakan pada tahun 2006 sebagai sempadan pelabuhan Miri juga. Bagi tempoh tersebut sebanyak 61 pemeriksaan telah dijalankan. Bagaimanapun, mengikut Laporan Pemeriksaan Unit Penguatkuasaan, pemeriksaan tersebut hanya bertumpu di kawasan daratan sahaja. Bagi tempoh 2012 hingga 2013 hanya 2 pemeriksaan sahaja dijalankan di kawasan lautan iaitu di tempat bersauh di perairan Miri. Pemeriksaan yang lebih kerap di kawasan bersauh perairan Miri tidak dapat dijalankan kerana masalah kekurangan kakitangan penguatkuasaan, tiada bot peronda dan tiada kemudahan peralatan penguatkuasaan. Bahagian ini hanya mempunyai 4 orang pegawai bagi menjalankan tugas penguatkuasaan melibatkan 36 *sufferance wharf* di kawasan Miri. **Maklum balas daripada LPM bertarikh 31 Mac 2014, menyatakan pemeriksaan dan rondaan ada dijalankan ke atas jeti swasta/persendirian di sepanjang Sungai Miri. Pemeriksaan dan rondaan ke tempat kapal bersauh untuk memunggah balak dan tempat memindah minyak mentah di Single Buoy Mooring tidak dapat dijalankan secara menyeluruh disebabkan masalah pengangkutan dan lokasi yang jauh di tengah laut. Bagaimanapun, Unit Penguatkuasaan LPM ada menjalankan kerjasama dan menggunakan khidmat daripada agensi lain seperti Agensi Penguatkuasaan**

#### **Maritim Malaysia, Kastam dan Marin dalam menjalankan tugas rondaan dan pemeriksaan di perairan Miri.**


**3.4.4.4.** Lembaga Pelabuhan Rajang pula tiada mempunyai Unit Penguatkuasaan manakala bagi LPTM yang baharu ditubuhkan pada tahun 2009 tugas penguatkuasaan belum lagi dapat dijalankan kerana belum mempunyai kakitangan yang mencukupi kecuali seorang Pengurus Besar. Operasi harian pelabuhan dijalankan oleh *Tanjung Manis Intergrated Port* yang juga merupakan operator kepada LPTM yang dimiliki Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak. Akibat ketiadaan aktiviti penguatkuasaan dijalankan secara aktif dan menyeluruh dikhuatiri kemungkinan berlaku ketirisan kutipan dius di *sufferance wharf* dan tempat bersauh tanpa permit adalah tinggi sekiranya kawasan tersebut terlepas daripada pemantauan pihak Lembaga Pelabuhan Negeri. **Maklum balas daripada LPR bertarikh 31 Mac 2014, menyatakan penubuhan unit penguatkuasaan masih merupakan cabaran kepada LPR untuk diwujudkan memandangkan banyak faktor perlu diambilkira seperti kos, kemudahan dan sumber tenaga manusia.**

Pada pendapat Audit, pihak MIDCom perlu memupukkan kerjasama di antara Lembaga Pelabuhan Negeri, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan LSS supaya aktiviti penguatkuasaan boleh dikoordinasi dan lebih terancang. Pihak Audit juga berpendapat analisis data keluar/masuk kapal serta jenis barang dan trend muatan dibawa, jenis dan kekerapan kapal serta agen perkapalan berurusan dengan pihak Lembaga Pelabuhan Negeri perlu dilakukan agar Lembaga Pelabuhan Negeri boleh merancang untuk pemeriksaan secara rawak bagi mengesahkan muatan kapal dengan memberi tumpuan kepada risiko.

#### **3.4.5. Daftar Jeti Swasta Dan Persendirian Tidak Diselenggara Dan Dikemaskini**

**3.4.5.1.** Setiap Lembaga Pelabuhan Negeri perlu mempunyai senarai atau daftar jeti swasta/persendirian yang kemas kini bagi memudahkan Unit Penguatkuasaan menentukan lokasi pemunggahan kargo semasa menjalankan rondaan dan pemantauan serta pemeriksaan sama ada secara berkala atau mengejut. Semakan Audit terhadap rekod daripada LSS sehingga akhir tahun 2013 mendapati hanya 7 jeti swasta/persendirian yang berdaftar dan telah diluluskan di seluruh Sarawak iaitu 2 jeti di LPK, 3 jeti di LPR dan 2 jeti di LPM. Manakala 8 jeti belum lagi diluluskan iaitu 4 jeti di LPK, 3 jeti LPR dan satu jeti di LPM. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya terhadap rekod dan senarai jeti swasta/persendirian LPK dan LPM mendapati terdapat 59 jeti swasta/persendirian di LPK dan 36 jeti di LPM tidak berdaftar dengan LSS. Ketiadaan rekod ini menyukarkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dan risiko kehilangan hasil berlaku sekiranya aktiviti pemunggahan kargo di jeti swasta/persendirian yang tidak berdaftar beroperasi tanpa kawalan. **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4** menunjukkan jeti yang telah mendapat kelulusan *sufferance wharf* untuk menjalankan operasi penyaluran minyak mentah dan pemindahan kayu serpai.

**Gambar 3.3**  
**Saluran Paip Digunakan Bagi**  
**Memindahkan Minyak Mentah Ke Kapal**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jeti Petronas Sdn. Bhd., Sibu  
Tarikh: 25 Februari 2014

**Gambar 3.4**  
**Jeti Digunakan Bagi Memunggah**  
**Kayu Serpai Untuk Eksport**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jeti Tanjung Manis Resources Sdn. Bhd.  
Tarikh: 25 Februari 2014

**3.4.5.2. Maklum balas daripada MIDCom bertarikh 28 Mac 2014, menyatakan pihak Lembaga Pelabuhan Negeri akan menyelenggara dan mengemaskini Daftar Jeti Swasta/Persendirian di dalam kawasan sempadan pelabuhan masing-masing. Bagi tujuan itu, Lembaga Pelabuhan Negeri akan mendapatkan senarai jeti swasta/persendirian daripada Lembaga Sungai-sungai Sarawak.**

Pada pendapat Audit, Lembaga Pelabuhan Negeri perlu bekerjasama dengan pihak LSS dan Jabatan Tanah Dan Survei supaya satu daftar lengkap jeti swasta/persendirian di seluruh negeri Sarawak dapat diselenggara bagi memudahkan kerja penguatkuasaan dan pemantauan dijalankan.

### **3.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan kutipan dius pelabuhan di negeri Sarawak dapat dipertingkatkan dan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang adalah disyorkan langkah berikut diambil, iaitu:

**3.5.1.** Akauntan Negeri dan Lembaga Pelabuhan Negeri perlu menyediakan anggaran kutipan dius tahunan berdasarkan faktor penambahan/pengurangan bilangan kapal yang keluar/masuk, bilangan jeti swasta/persendirian dan menganalisis trend pengeluaran barang import/eksport atau berdasarkan rekod kutipan dius sebenar tahun sebelum.

**3.5.2.** Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak dan Lembaga Pelabuhan Negeri perlu mewujudkan mekanisma yang seragam untuk mengesahkan kuantiti muatan barang agar hasil dius tidak terkurang kutip.

**3.5.3.** Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Sarawak perlu menyeragamkan keperluan jaminan kutipan dius ke dalam Manual Prosedur Kerja atau Arahan Kerja termasuk kaedah penetapan amaun yang jelas bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Selain itu, Kementerian juga perlu memupuk kerjasama di antara Lembaga Pelabuhan Negeri, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Lembaga Sungai-sungai Sarawak supaya aktiviti penguatkuasaan boleh dikoordinasi dan lebih terancang.

**3.5.4.** Lembaga Pelabuhan Negeri perlu bekerjasama dengan pihak Lembaga Sungai-sungai Sarawak dan Jabatan Tanah Dan Survei supaya satu daftar lengkap jeti swasta/persendirian di seluruh negeri Sarawak dapat diselenggara bagi memudahkan kerja penguatkuasaan dan pemantauan dijalankan.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH**

### **4. HARTANAH PELITA SDN. BHD.**

#### **4.1. LATAR BELAKANG**

**4.1.1.** Hartanah Pelita Sdn. Bhd. (HPSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 September 1986 merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh Pelita Holdings Sdn. Bhd. (PHSB) yang juga adalah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA). Hartanah Pelita Sdn. Bhd. mempunyai modal dibenarkan dan modal berbayar sejumlah RM17.22 juta. Aktiviti utama HPSB adalah perkhidmatan perhotelan iaitu memiliki dan mengurus operasi The Regency Rajah Court Hotel di Kuching, sejajar dengan objektif HPSB berdasarkan *Memorandum of Association* untuk terlibat dalam pemilikan dan pengurusan aktiviti perhotelan dan rumah penginapan. Satu Perjanjian Pengurusan telah ditandatangani di antara HPSB dengan Regency International Hotel Services (M) Sdn. Bhd. (RIH) pada bulan November 2000 yang mana pengurusan operasi hotel adalah dijalankan oleh RIH. Perjanjian ini telah dilanjutkan sehingga bulan November 2015.

**4.1.2.** Secara umumnya, pengurusan HPSB dilaksanakan oleh ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PHSB dan dianggotai oleh 6 ahli yang mana kesemuanya juga adalah pegawai PHSB. Pengurusan aktiviti hotel pula diketuai oleh Pengurus Besar daripada RIH dan dibantu seramai 69 pegawai serta kakitangan sokongan setakat bulan Disember 2013. Sebagai sebuah syarikat yang mana 100% syer dimiliki oleh PHSB, HPSB perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

#### **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai prestasi kewangan HPSB, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan serta dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

#### **4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2010 hingga 2012, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat HPSB bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pengauditan ini dijalankan di pejabat HPSB, Tingkat 5, Wisma Satok, Jalan Satok dan The Regency Rajah Court Hotel, Kuching By-Pass, Jalan Pending, Kuching. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan dilakukan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010

hingga 2012. Selain itu, temu bual dengan pegawai HPSB dan pihak hotel, lawatan ke bilik dan kawasan hotel serta pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan.

#### **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati secara keseluruhan prestasi HPSB adalah kurang memuaskan. Hartanah Pelita Sdn. Bhd. mengalami kerugian selepas cukai sejumlah RM0.20 juta pada tahun 2010, RM0.33 juta pada tahun 2011 dan RM0.42 juta pada tahun 2012. Syarikat HPSB mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM3.82 juta pada tahun 2010, RM4.24 juta pada tahun 2011 dan RM4.75 juta pada tahun 2012. Prestasi aktiviti HPSB juga kurang memuaskan kerana kadar penginapan purata bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah 21.2%, iaitu di bawah norma industri bagi negeri Sarawak. Manakala prestasi pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat boleh dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada aktiviti pemasaran dan promosi serta menambahbaik pengurusan aset syarikat dengan menyediakan Rancangan Korporat dan *Standard Operating Procedures* yang lengkap. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Mencatat kerugian untuk 3 tahun berturut dan kerugian terkumpul pada akhir tahun 2012 adalah RM4.75 juta.
- Prestasi RIH berada di bawah syarat pembaharuan Perjanjian Pengurusan.
- Kadar penginapan purata di bawah norma industri.
- Pemasaran dan promosi kurang berkesan.
- Maklum balas pelanggan tidak dititikberatkan.
- Rancangan Korporat belum disediakan dan *Standard Operating Procedures* tidak lengkap serta pengurusan aset tidak memuaskan.

##### **4.4.1. Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan penyata kewangan HPSB yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis trend dan nisbah telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan HPSB.

###### **4.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati HPSB telah mengalami kerugian selepas cukai bagi 3 tahun berturut iaitu sejumlah RM0.20 juta pada tahun 2010, RM0.33 juta pada tahun 2011 dan RM0.42 juta pada tahun 2012. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kerugian syarikat adalah penurunan hasil sewaan bilik sejumlah RM0.48 juta atau 30.8% daripada RM1.56 juta pada tahun 2010 kepada RM1.08 juta pada tahun 2012. Analisis Audit seterusnya mendapati

HPSB mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM3.82 juta pada tahun 2010, RM4.24 juta pada tahun 2011 dan RM4.75 juta pada tahun 2012.

- b. Analisis Audit juga mendapati pendapatan langsung HPSB menurun sejumlah RM0.37 juta atau 10.5% daripada RM3.51 juta pada tahun 2010 kepada RM3.14 juta pada tahun 2011. Pada tahun 2012, pendapatan langsung menunjukkan peningkatan sedikit iaitu sejumlah RM0.06 juta atau 1.9% kepada RM3.21 juta berbanding pada tahun 2011. Berdasarkan analisis, trend ini adalah disebabkan penurunan ketara hasil sewaan bilik hotel. Butiran pendapatan langsung HPSB bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Pendapatan Langsung HPSB Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		
		2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
1.	Makanan dan minuman	1,834,025	1,842,228	1,996,223
2.	Sewaan bilik	1,559,474	1,177,564	1,078,627
3.	Lain-lain	123,012	124,600	132,404
<b>Jumlah</b>		<b>3,516,511</b>	<b>3,144,392</b>	<b>3,207,254</b>

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

- c. Perbelanjaan langsung HPSB adalah kos jualan dan didapati menunjukkan penurunan daripada sejumlah RM1.94 juta pada tahun 2010 kepada RM1.77 juta pada tahun 2011 tetapi meningkat semula kepada RM1.88 juta pada tahun 2012. Perbelanjaan tidak langsung merupakan perbelanjaan pentadbiran dan kos kewangan syarikat. Analisis Audit mendapati perbelanjaan tidak langsung HPSB menunjukkan penurunan untuk 3 tahun berturut daripada RM1.86 juta pada tahun 2010 kepada RM1.83 juta pada tahun 2011 dan RM1.81 juta pada tahun 2012.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul HPSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.2**, **Carta 4.1** dan **Carta 4.2**.


**Jadual 4.2**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kerugian Terkumpul HPSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Pendapatan	3,516,511	3,144,392	3,207,254
Perbelanjaan Langsung	1,942,553	1,770,752	1,875,386
<b>Untung Kasar</b>	<b>1,573,958</b>	<b>1,373,640</b>	<b>1,331,868</b>
Pendapatan Lain	81,434	127,789	81,691
Perbelanjaan Pentadbiran	1,853,877	1,819,310	1,802,317
<b>Rugi Operasi</b>	<b>-198,485</b>	<b>-317,881</b>	<b>-388,758</b>
Kos Kewangan	10,820	9,893	6,192
<b>Kerugian Sebelum Cukai</b>	<b>-209,305</b>	<b>-327,774</b>	<b>-394,950</b>
Cukai	-9,267	-	20,422
<b>Kerugian Selepas Cukai</b>	<b>-200,038</b>	<b>-327,774</b>	<b>-415,372</b>
<b>Pindahan Ke Rizab Gantian</b>	<b>-105,495</b>	<b>-94,403</b>	<b>-91,183</b>
<b>Kerugian Terkumpul (RM Juta)</b>	<b>-3.82</b>	<b>-4.24</b>	<b>-4.75</b>

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

**Carta 4.1**


Trend Kerugian Sebelum Cukai Dan Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012



Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

**Carta 4.2**

Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan HPSB Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012



#### 4.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan HPSB, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjuk pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3****Analisis Nisbah Kewangan HPSB Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010	2011	2012
Nisbah Semasa	2.47:1	3.70:1	3.80:1
Margin Untung Bersih	-5.95%	-10.42%	-12.31%
Nisbah Pulangan Atas Aset	-0.01:1	-0.02:1	-0.03:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.01:1	-0.02:1	-0.03:1

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

#### a. **Nisbah Semasa**

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan setakat mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Norma kedudukan nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa adalah pada kadar 2:1. Analisis Audit mendapati nisbah semasa HPSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah 2.47:1, 3.70:1 dan 3.80:1. Berdasarkan perkiraan nisbah ini, tahap kecairan HPSB menunjukkan trend yang baik dan syarikat berupaya menampung tanggungan dalam jangka masa pendek bagi tahun kewangan diaudit.

#### b. **Margin Untung Bersih**

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati HPSB mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut dan margin rugi bersih semakin meningkat setiap tahun iaitu sebanyak 5.95% pada tahun 2010, 10.42% pada tahun 2011 dan 12.31% pada tahun 2012. Berdasarkan margin yang diperoleh menunjukkan pengurusan aktiviti hotel kurang berkesan menyebabkan pendapatan langsung semakin berkurangan dan keuntungan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan operasi syarikat.

#### c. **Nisbah Pulangan Atas Aset**

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan atas aset HPSB adalah -0.01:1 pada tahun 2010, -0.02:1 pada tahun 2011 dan -0.03:1 pada tahun 2012. Berdasarkan perkiraan nisbah ini, dapat dirumuskan bahawa pengurusan hotel kurang cekap dan tidak produktif untuk menjana pulangan bersih daripada pelaburan aset syarikat.

#### **d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah adalah semakin baik kerana ia memberi gambaran bahawa syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati HPSB tidak menghasilkan pulangan kepada pemegang saham untuk 3 tahun berturut kerana menunjukkan pulangan bersih yang negatif iaitu pada nisbah -0.01:1 pada tahun 2010, -0.02:1 pada tahun 2011 dan -0.03:1 pada tahun 2012. Berdasarkan perkiraan nisbah ini, adalah dirumuskan bahawa aktiviti hotel yang dijalankan telah mengalami kemerosotan dan ekuiti syarikat juga semakin berkurangan setiap tahun.

**4.4.1.3. Maklum balas daripada HPSB bertarikh 1 April 2014, menyatakan lokasi hotel yang tidak strategik dan jauh dari pusat bandar serta tiada pengubahsuaian terhadap bilik hotel telah menyebabkan kesukaran untuk memasar dan mendapat kadar penginapan purata yang menguntungkan. Selain itu, peruntukan susut nilai yang tinggi iaitu pada purata RM800,000 setahun telah menyumbang kepada kerugian hotel untuk beberapa tahun kebelakangan.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Hartanah Pelita Sdn. Bhd. adalah kurang memuaskan kerana mencatat kerugian untuk 3 tahun berturut dengan kerugian terkumpul pada akhir tahun 2012 sejumlah RM4.75 juta.

#### **4.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti utama HPSB adalah bidang perhotelan yang mana syarikat merupakan pemilik The Regency Rajah Court Hotel. Pengurusan operasi hotel ini telah diserahkan kepada RIH melalui satu Perjanjian Pengurusan yang telah ditandatangani pada 30 November 2000 bagi tempoh 5 tahun dengan pilihan untuk penyambungan semula perjanjian bagi 2 tempoh 5 tahun berturut. Berdasarkan perjanjian tersebut, RIH dibayar fi pengurusan sebanyak 1% daripada pendapatan kasar, bayaran incentif sebanyak 10.5% daripada keuntungan kasar dan bayaran 10% daripada jumlah caj perkhidmatan yang dikutip oleh hotel. Antara syarat Perjanjian Pengurusan tersebut juga adalah pada tahun pertama perjanjian, HPSB hendaklah menyediakan dana sejumlah tidak melebihi RM0.50 juta sebagai sumbangan untuk mengimbangi sebarang kekurangan dalam perbelanjaan operasi hotel; RIH diberi kuasa mutlak dalam mengurus operasi hotel manakala HPSB berhak untuk memberi nasihat dan cadangan berkenaan penambahbaikan servis hotel dan perkara berkaitan kewangan. Pada bulan Mac 2007, perlanjutan Perjanjian Pengurusan ini telah ditandatangani untuk tempoh mulai bulan November 2007 sehingga 15 November 2015. Semakan Audit terhadap aktiviti syarikat mendapati perkara berikut:

#### **4.4.2.1. Prestasi Pengurusan Hotel**

Semakan Audit mendapati pendapatan yang diperoleh oleh HPSB melalui aktiviti The Regency Rajah Court Hotel pada tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah berjumlah RM3.52 juta, RM3.14 juta dan RM3.21 juta. Analisis Audit mendapati berlakunya penurunan sejumlah RM0.37 juta atau 10.6% pada tahun 2011 dan meningkat semula kepada RM3.21 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun berdasar kepada *Circular Resolution 4/2005*, Lembaga Pengarah memutuskan bahawa RIH hendaklah memastikan bahawa pendapatan kasar tahunan adalah tidak kurang daripada RM3.80 juta dan memastikan keuntungan operasi kasar tahunan adalah melebihi 20% daripada pendapatan kasar. Analisis Audit terhadap rekod pendapatan untuk menilai prestasi RIH selaku pengurus hotel bagi tempoh 2005 hingga 2012 mendapati purata pendapatan tahunan adalah sejumlah RM3.33 juta yang mana RIH hanya berjaya memenuhi syarat yang ditetapkan pada tahun 2009 sahaja dengan pendapatan tahunan kasar sejumlah RM4.06 juta. Namun begitu bagi keuntungan operasi tahunan berbanding Pendapatan Tahunan Kasar, RIH mencatatkan peratusan melebihi 20% kecuali bagi tahun 2005, 2011 dan 2012. Butiran pendapatan tahunan kasar dan keuntungan operasi tahunan kasar bagi tahun 2005 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.4**  
**Pendapatan Tahunan Kasar Bagi Tahun 2005 Hingga 2012**

Tahun	Pendapatan Tahunan Kasar (RM Juta)	Keuntungan Tahunan (%)
2005	3.05	17
2006	3.10	27
2007	3.14	27
2008	3.36	33
2009	4.06	34
2010	3.52	22
2011	3.14	16
2012	3.21	17

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

#### **4.4.2.2. Kadar Penginapan Purata Di Bawah Norma Industri**

- a. Semakan Audit terhadap rekod kadar penginapan The Regency Rajah Court Hotel mendapati kadar penginapan purata adalah sebanyak 29.1% bagi tahun 2011, 28.6% bagi tahun 2012 dan 28.8% bagi tahun 2013. Kadar penginapan purata ini adalah di bawah norma industri iaitu melebihi 50% bagi negeri Sarawak. Butiran kadar penginapan purata berbanding norma industri adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5****Kadar Penginapan Purata Berbanding Norma Industri Bagi Negeri Sarawak**

Tahun	Kadar Penginapan Purata The Regency Rajah Court Hotel (%)	Kadar Penginapan Purata Bagi Industri Perhotelan Sarawak (%)
2011	29.1	> 50
2012	28.6	
2013	28.8	

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd. dan Research Division Tourism Malaysia

- b. Semakan Audit seterusnya terhadap Anggaran Perbelanjaan Dan Terimaan HPSB mendapati walaupun sasaran kadar penginapan purata yang ditetapkan oleh HPSB adalah di bawah norma industri namun prestasi sebenar kadar penginapan yang diperoleh RIH tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah HPSB. Butiran prestasi sebenar kadar penginapan purata berbanding sasaran kadar penginapan purata yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6****Prestasi Sebenar Kadar Penginapan Purata Berbanding  
Sasaran Ditetapkan**

Tahun	Sasaran Kadar Purata (%)	Kadar Purata Sebenar (%)	Perbezaan Purata (%)
2011	42.6	29.1	13.5
2012	42.0	28.6	13.4
2013	34.1	28.8	5.3

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

- c. **Maklum balas daripada HPSB bertarikh 1 April 2014, menyatakan bahawa kadar penginapan purata menurun dari tahun 2010 hingga 2012 disebabkan oleh keadaan bilik yang semakin merosot, penurunan keseluruhan kadar penginapan bagi industri perhotelan di Kuching dan kerja menaik taraf Jalan Tun Razak yang berlangsung pada September 2009 hingga Jun 2013 yang menyebabkan jalan menuju ke hotel banyak terjejas.**

#### 4.4.2.3. Pecahan Hasil Dan Segmen Pelanggan

Sumber pendapatan utama hotel ialah perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang mana ianya menyumbang sebanyak 61.1% hasil aktiviti dan kemudiannya ialah pendapatan sewaan bilik sebanyak 34.6% manakala baki 4.3% adalah daripada lain-lain perkhidmatan. Bagi komposisi pendapatan sewaan bilik mengikut segmen pelanggan pula, pelanggan individu adalah penyumbang terbesar pendapatan hotel iaitu sejumlah RM1.60 juta atau 47.6% bagi tempoh 3 tahun. Butiran pendapatan mengikut pecahan hasil dan pendapatan sewaan bilik mengikut segmen pelanggan bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di **Jadual 4.7** dan **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.7**  
**Pendapatan Mengikut Pecahan Hasil Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Aktiviti Jualan	Tahun			Jumlah (RM)	Peratusan (%)
		2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)		
1.	Makanan dan minuman	1,842,228	1,996,223	2,091,113	5,929,564	61.1
2.	Sewaan bilik	1,177,564	1,078,627	1,098,882	3,355,073	34.6
3.	Lain-lain	124,600	132,404	163,090	420,094	4.3
<b>Jumlah</b>		<b>3,144,392</b>	<b>3,207,254</b>	<b>3,353,085</b>	<b>9,704,731</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

**Jadual 4.8**

**Pendapatan Sewaan Bilik Mengikut Segmen Pelanggan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Komposisi Pelanggan	Tahun			Jumlah (RM)	Peratusan (%)
		2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)		
1.	Individu	616,061	506,095	476,153	1,598,309	47.6
2.	Kerajaan	322,624	252,211	459,568	1,034,403	30.9
3.	Korporat	168,417	247,576	145,207	561,200	16.7
4.	Lain-lain	70,462	72,745	17,954	161,161	4.8
<b>Jumlah</b>		<b>1,177,564</b>	<b>1,078,627</b>	<b>1,098,882</b>	<b>3,355,073</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

#### 4.4.2.4. Syarat Perjanjian Pengurusan Tidak Dipatuhi

- a. Merujuk kepada Perkara 4 dalam Perjanjian Pengurusan antara HPSB dan RIH menyatakan bahawa satu Jawatankuasa Pengurusan hendaklah ditubuhkan dan jumlah ahli mestilah tidak kurang daripada 5 orang iaitu 3 pegawai daripada RIH dan 2 pegawai daripada HPSB manakala setiausaha adalah dilantik daripada salah seorang ahli RIH. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat 4 kali setahun. Antara perkara utama yang perlu dibincang oleh Jawatankuasa ini ialah mengenai bajet tahunan, prestasi operasi hotel, mempertimbangkan cadangan untuk perbelanjaan modal dan menilai sebarang cadangan mengenai perubahan kadar sewa bilik serta aktiviti pemasaran dan promosi.
- b. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pengurusan hanya bermesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2011 dan tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2012 dan tahun 2013.

#### 4.4.2.5. Pemasaran Dan Promosi Kurang Berkesan

- a. Segmen pemasaran dan promosi adalah penting supaya program serta aktiviti hotel yang dijalankan mendapat liputan dan informasi meluas sama ada daripada pelanggan dalam atau luar Negara. Merujuk kepada Perjanjian Pengurusan, aktiviti pemasaran dan promosi adalah dijalankan oleh RIH. Hartanah Pelita Sdn. Bhd. selaku pemilik hotel bersetuju menyumbang tidak lebih 2% daripada pendapatan kasar sewaan bilik sebagai fi pemasaran kumpulan RIH untuk kepentingan bersama dan kos ini dimasukkan dalam bajet tahunan syarikat untuk kelulusan. Semakan Audit

terhadap bajet mendapati kaedah pemasaran dan promosi yang dijalankan antaranya adalah melalui laman web, suratkhabar, risalah dan majalah. Adalah didapati tiada bukti yang menunjukkan bahawa aktiviti pemasaran dan promosi diperluas serta dipergiatkan untuk meningkatkan kadar penginapan dan jumlah pelanggan yang datang mengunjungi hotel. Selain itu, rekod terawal laporan program pemasaran yang dikemukakan kepada Audit adalah bermula sejak akhir November 2013 dan rekod sebelum tarikh berkenaan tidak dikemukakan kepada Audit untuk semakan. Semakan Audit seterusnya terhadap bajet dan perbelanjaan untuk aktiviti pemasaran serta promosi bagi tahun 2010 hingga 2012 mendapati RIH hanya membelanjakan antara 15.5% hingga 80.4% peruntukan yang disediakan dan ini mungkin menyumbang kepada kejatuhan kadar penginapan dalam tempoh tersebut. Bajet yang dilulus berbanding perbelanjaan sebenar untuk aktiviti pemasaran dan promosi adalah seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
**Perbelanjaan Pemasaran Dan Promosi Berbanding Peruntukan**  
**Diluluskan Bagi Tahun 2010 hingga 2013**

Perkara	Tahun		
	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
Bajet	66,443	38,600	44,636
Perbelanjaan	53,400	15,883	6,901
Peratusan (%)	80.4%	41.1%	15.5%

Sumber: Hartanah Pelita Sdn. Bhd.

- b. Pihak Audit juga mendapati pengurusan hotel tidak menyediakan kemudahan perkhidmatan pengangkutan *shuttle service* kepada pelanggan yang menginap di hotel untuk memudahkan pelanggan berulang-alik ke pusat bandar atau ke destinasi lain yang dipilih disebabkan jarak antara hotel dengan pusat bandar adalah jauh.
- c. **Maklum balas daripada HPSB bertarikh 1 April 2014, menyatakan bahawa sepanjang tahun 2011 dan 2012, RIH telah berusaha membuat pemasaran berdasarkan tempahan melalui laman web iaitu portal *Central Reservation System* yang dibangunkan oleh RIH. Sejak Disember 2013, RIH juga telah memasukkan carian ke dalam internet seperti Agoda dan Booking.com ke laman web hotel.**

#### 4.4.2.6. Maklum Balas Pelanggan Tidak Dititikberatkan

Sesebuah entiti perniagaan perhotelan seharusnya memberi keutamaan untuk mendapatkan maklum balas pelanggan bagi menambah baik tahap mutu perkhidmatan untuk dapat terus bersaing di industri perhotelan. Semakan Audit mendapati, RIH ada menyediakan borang maklum balas pelanggan dan dalam tempoh 2012 hingga 2014, hanya 2 set borang maklum balas diterima. Ini berlaku kerana kurang perhatian diberi untuk mendapat maklum balas pelanggan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti Hartanah Pelita Sdn. Bhd. adalah kurang memuaskan kerana pengurusan hotel tidak mencapai sasaran pendapatan yang ditetapkan dan kadar penginapan purata adalah di bawah norma industri. Selain itu, pemasaran dan promosi yang dijalankan juga kurang berkesan. Pihak Audit juga berpendapat Hartanah Pelita Sdn. Bhd. perlu mengkaji dan menilai semula pengurusan serta aktiviti syarikat untuk menentu arah tuju bidang perhotelan yang diusahakan.

#### **4.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat adalah penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh PHSB, HPSB tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh PHSB dan Kerajaan Negeri, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

##### **4.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah HPSB hanya bermesyuarat sekali sahaja iaitu pada bulan Ogos 2012 bagi tempoh 2011 hingga 2013. Semakan Audit seterusnya mendapati secara keseluruhannya Lembaga Pengarah HPSB hanya bermesyuarat sebanyak 8 kali sejak penubuhan syarikat pada tahun 1986.

##### **4.4.3.2. Rancangan Korporat**

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan Rancangan Korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati HPSB belum menyediakan Rancangan Korporat jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktivitinya.

##### **4.4.3.3. *Standard Operating Procedures***

Syarikat perlu menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan kewangan serta operasi syarikat. Semakan Audit mendapati HPSB selaku pemilik dan RIH sebagai pengurus hotel belum menyediakan SOP untuk kegunaan syarikat dengan lengkap, antaranya tiada prosedur

khusus berkaitan dengan urusan kewangan, pentadbiran dan sumber manusia, perolehan, pengurusan aset dan stor syarikat.

#### **4.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam**

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati HPSB tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit sebab semua isu audit dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Audit PELITA. Adalah didapati HPSB menggunakan khidmat Unit Audit Dalam PELITA bagi merancang, melaksana dan menyediakan laporan pgauditan. Bagaimanapun semakan Audit seterusnya mendapati pgauditinan dalaman ke atas HPSB belum lagi dijalankan sejak tahun 2000. **Maklum balas daripada HPSB bertarikh 1 April 2014, menyatakan Bahagian Audit Dalam PELITA hanya diwujudkan pada tahun 2012 dan pgauditinan terhadap HPSB dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2015.**

#### **4.4.3.5. Pembayaran Dividen**

Menurut Akta Syarikat 1965, dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan syarikat yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan. Semakan Audit mendapati HPSB tidak membayar dividen kepada PHSB bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 disebabkan syarikat tidak memperoleh keuntungan.

#### **4.4.3.6. *Integrity Pact* Dalam Pengurusan Perolehan**

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corruption*. *Integrity Pact* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mendapati HPSB belum melaksanakan *Integrity Pact* dalam pengurusan perolehan. **Maklum balas daripada HPSB bertarikh 1 April 2014, menyatakan HPSB akan mempertimbang untuk menerima pakai *Integrity Pact*.**

#### **4.4.3.7. Pengurusan Kewangan**

Akta Syarikat 1965 telah menetapkan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan pengurusan kewangan syarikat diurus dengan baik. Antaranya mengandungi perkara berkaitan dengan sistem kawalan dalaman, penyimpanan akaun dan pengurusan aset. Semakan Audit yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan HPSB mendapati perkara berikut:

**a. Pengurusan Aset Tidak Memuaskan**

Kawalan pengurusan aset merupakan antara elemen penting dalam pengurusan syarikat bagi menentukan aset yang diperoleh telah direkod, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Semakan Audit terhadap pengurusan aset syarikat mendapati:

- i. Daftar aset tidak diselenggara dengan lengkap dan tidak kemas kini yang mana perihal seperti jenis, bilangan dan kos seunit tidak dinyatakan bagi aset yang dibeli sebelum tahun kewangan 2013.
  - ii. Aset tidak dilabel atau ditanda dengan nombor siri pendaftaran untuk tujuan pengenalan dan semakan aset. Ini menyebabkan aset kepunyaan HPSB sukar untuk dikesan dan dikenal pasti.
  - iii. Verifikasi terhadap aset tidak pernah dibuat sejak tahun 2000. Ini menyebabkan kedudukan fizikal dan lokasi sebenar aset tidak dapat ditentukan sama ada aset masih wujud atau hilang, masih boleh digunakan atau rosak dan tidak ekonomikal untuk dibaiki.
- b. **Maklum balas daripada HPSB bertarikh 1 April 2014, menyatakan RIH telah diarah untuk mengambil tindakan mengemaskini daftar dan melabel aset bagi memudahkan pengenalan.**
- c. **Pengurusan/Perolehan Bagi Kerja Pengubahsuaian Dan Baik Pulih Hotel Tidak Teratur**

Berdasarkan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 1/2006, perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM500 ribu hendaklah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri sebelum perolehan dibuat. Semakan Audit terhadap kerja pengubahsuaian dan baik pulih blok utama The Regency Rajah Court Hotel pada tahun 2013 dengan kos sejumlah RM2.35 juta mendapati:

- i. Kelulusan bagi kerja pengubahsuaian dan baik pulih hotel tidak diperoleh daripada Setiausaha Kewangan Negeri dan dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah terlebih dahulu.
- ii. Kerja pengubahsuaian dan baik pulih ini tidak dilaksanakan melalui proses tender.

Pada pendapat Audit, Hartanah Pelita Sdn. Bhd. perlu meningkatkan tadbir urus korporat dengan menyediakan Rancangan Korporat dan mengemaskini daftar aset bagi memastikan semua aset telah direkodkan dengan betul. Pihak Audit juga berpendapat bahawa HPSB perlu mematuhi peraturan kewangan pengurusan perolehan dan siasatan dalaman perlu dilakukan untuk ketidakpatuhan yang telah berlaku.

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, pengurusan Hartanah Pelita Sdn. Bhd. adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.5.1.** Mengkaji dan menentukan arah tuju syarikat dalam bidang perhotelan supaya syarikat boleh bersaing dan mendapat pulangan ke atas ekuiti yang dilaburkan dan menilai sama ada pengurusan hotel dapat diurus sendiri oleh Hartanah Pelita Sdn. Berhad.
- 4.5.2.** Menggiatkan pemasaran dan promosi dengan lebih efektif dan menyediakan kemudahan perkhidmatan pengangkutan *shuttle* kepada pelanggan yang menginap di hotel sebagai salah satu cara untuk menarik lebih ramai pelanggan.
- 4.5.3.** Meningkatkan tadbir urus korporat dengan menyediakan Rancangan Korporat Syarikat dan mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah yang lebih kerap bagi membincangkan urusan dan hala tuju syarikat.
- 4.5.4.** Melantik sekurang-kurangnya seorang ahli Lembaga Pengarah bebas yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perhotelan supaya dapat memberi input berasal dalam pengurusan hotel.

## LEMBAGA PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH

### 5. SERIAN PALM OIL MILL SDN. BHD.

#### 5.1. LATAR BELAKANG

**5.1.1.** Award Square Sdn. Bhd. diperbadankan pada 7 November 1994 dan telah ditukarkan namanya kepada Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. (SEPOM) pada 25 Mac 1995. Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. adalah 60% milik Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah (SALCRA) dan 40% milik Genting Plantations Berhad serta mula beroperasi pada bulan Mei 1997. Modal dibenar bagi SEPOM adalah RM5 juta dan modal berbayar adalah RM5 juta. Aktiviti utama SEPOM adalah membeli dan memproses buah tandan segar (BTS) dijadikan minyak sawit mentah (CPO) dan penghasilan isirung (PK) untuk dijual. SEPOM memperoleh BTS daripada ladang SALCRA dan pekebun kecil serta pembekal luar yang berdaftar dan mempunyai lesen yang sah. Had kapasiti kilang SEPOM bagi pemprosesan BTS adalah 360,000 tan metrik setahun. Objektif penubuhan SEPOM adalah untuk memaksimumkan hasil jualan produk minyak sawit serta peningkatan dalam pengeluaran kualiti minyak sawit dan mengoptimumkan keupayaan kilang sedia ada.

**5.1.2.** Sehingga akhir tahun 2013, SEPOM mempunyai 7 Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusi oleh Pengurus Besar SALCRA dan dianggotai oleh 6 ahli lain yang terdiri dari 4 wakil Genting Plantations Berhad, 2 wakil rakyat dan seorang wakil dari SALCRA. Operasi harian SEPOM diurus oleh seorang Ketua Pegawai Operasi dan dibantu oleh 36 kakitangan yang terdiri daripada seorang Pengurus Kilang, 3 Jurutera, seorang Pegawai Kewangan/Pentadbiran, 4 pegawai pentadbiran dan 27 pekerja teknikal selain 109 pekerja am. Sejak mula beroperasi, SEPOM telah menerima pelbagai anugerah dan pensijilan seperti Anugerah Industri Sawit Malaysia (pencapaian kadar perahan minyak tertinggi Peringkat Wilayah Sarawak) untuk Tahun 1997 dan 1999, ISO 14001:2004 *Environment Management System* pada tahun 2011, *The Sarawak Chief Minister's Environment Award (Gold Award Large Enterprise Industries - Manufacturing Related Services and Agro-based Industries)* pada tahun 2011 dan 2012 serta *MPOB Code of Good Milling Practice For Palm Oil Mills* pada tahun 2013.

#### 5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai prestasi kewangan SEPOM, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat adalah memuaskan dan telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

### **5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2010 hingga 2012, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat SEPOM bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di Serian Palm Oil Mill, Tingkat 2, Wisma SALCRA, Jalan Datuk Mohd. Musa, Kota Samarahan pejabat korporat dan di kilang SEPOM. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Selain itu, temu bual dengan pegawai SEPOM, lawatan ke kilang dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan.

### **5.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mac 2014 mendapati secara keseluruhan prestasi pengurusan kewangan SEPOM adalah baik manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, prestasi hasil minyak sawit menunjukkan trend menurun iaitu dari RM180.07 juta pada tahun 2012 kepada RM164.56 juta pada tahun 2013. Namun beberapa isu dalam pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus boleh ditambah baik. Secara ringkasnya, isu-isu yang ditemui adalah seperti berikut:

- Hutang dagangan yang melebihi 30 hari berdasarkan kontrak berjumlah RM34.16 juta pada akhir tahun 2012.
- Garis Panduan Pemasaran tidak dikemas kini serta Manual Polisi Dan Prosedur Pengurusan Kewangan belum disediakan.
- Pelupusan tandan kosong yang lebih efisien dan mesra alam perlu dipertimbangkan.
- Penyenggaraan pencegahan mesin tidak dilakukan mengikut jadual.

#### **5.4.1. Prestasi Kewangan**

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan SEPOM yang telah diaudit bagi tahun 2010 hingga 2012. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan SEPOM.

##### **5.4.1.1. Analisis Trend**

###### **a. Analisis Keuntungan**


Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati SEPOM telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Keuntungan selepas cukai berjumlah RM11.19 juta pada tahun 2010, RM10.39 juta pada tahun 2011 dan RM9.19 juta pada tahun 2012. Keuntungan terkumpul SEPOM adalah

berjumlah RM29.71 juta, RM30.10 juta dan RM34.29 juta pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan terkumpul SEPOM bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.1**, **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

**Jadual 5.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Terkumpul SEPOM**  
**Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	154.22	189.81	179.68
Perbelanjaan Langsung	137.09	172.74	165.64
<b>Untung Kasar</b>	<b>17.13</b>	<b>17.07</b>	<b>14.04</b>
Pendapatan Lain	0.89	0.74	1.59
Perbelanjaan Tidak Langsung	2.93	3.57	3.22
<b>Untung Sebelum Cukai</b>	<b>15.09</b>	<b>14.24</b>	<b>12.41</b>
Cukai	3.90	3.85	3.22
<b>Untung Selepas Cukai</b>	<b>11.19</b>	<b>10.39</b>	<b>9.19</b>
Dividen	7.50	10.00	5.00
<b>Keuntungan Terkumpul</b>	<b>29.71</b>	<b>30.10</b>	<b>34.29</b>

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.



Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

### b. Analisis Pendapatan Langsung

Pendapatan langsung SEPOM adalah daripada penjualan CPO dan PK. Analisis Audit mendapati jumlah pendapatan langsung adalah RM154.22 juta, RM189.81 juta

dan RM179.68 juta pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Ini menunjukkan peningkatan RM35.59 juta atau 23.1% pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 tetapi menurun sejumlah RM10.13 juta atau 5.3% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-32 bertarikh 7 Mac 2013, penurunan jumlah pendapatan pada tahun 2012 adalah disebabkan penurunan harga CPO dan PK.

### i. Penjualan CPO

Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. menjual CPO kepada 7 syarikat. Harga jualan adalah berdasarkan harga purata Semenanjung Malaysia yang ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan diskau yang dipersetujui dalam kontrak. Analisis Audit mendapati penjualan daripada CPO berjumlah RM130.28 juta, RM161.07 juta dan RM157.14 juta bagi tahun 2010 hingga 2012. Butiran lanjut penjualan CPO bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Penjualan CPO Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		
		2010	2011	2012
1.	Metrik Tan	48,177	51,154	59,499
2.	Amaun (RM Juta)	130.28	161.07	157.14
3.	Harga Purata (RM)	2,704	3,149	2,641

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

### ii. Penjualan PK

Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. menjual PK kepada 4 syarikat. Harga jualan adalah berdasarkan harga purata Semenanjung Malaysia yang ditetapkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan diskau yang dipersetujui dalam kontrak. Analisis Audit mendapati penjualan daripada PK berjumlah RM23.94 juta, RM28.74 juta dan RM22.54 juta bagi tahun 2010 hingga 2012. Butiran lanjut penjualan PK bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Penjualan PK Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun		
		2010	2011	2012
1.	Metrik Tan	14,414	13,934	15,775
2.	Amaun (RM Juta)	23.94	28.74	22.54
3.	Harga Purata (RM)	1,661	2,062	1,429

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

### c. Analisis Penghutang

- i. Analisis Audit terhadap penyata kewangan SEPOM mendapati penghutang dagangan syarikat berjumlah RM24.38 juta, RM50.85 juta dan RM34.16 juta bagi

tahun kewangan 2010, 2011 dan 2012. Butiran lanjut kedudukan dan senarai penghutang dagangan SEPOM bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**

**Kedudukan Dan Senarai Penghutang Dagangan SEPOM Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Senarai Penghutang	Tahun		
		2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
1.	ASSAR Refinery Services Sdn. Bhd.	24,345,481	36,739,426	14,839,617
2.	Kelly Development Sdn. Bhd.	1,610	1,610	1,610
3.	Thian Yee Enterprise	28,988	7,754	-
4.	Sime Darby Futures Trading Sdn. Bhd.	-	14,096,486	8,658,296
5.	Bintulu Edible Oil Sdn. Bhd.	-	-	6,049,371
6.	SOP Edible Oils Sdn. Bhd.	-	-	4,613,949
<b>Jumlah</b>		<b>24,376,079</b>	<b>50,845,276</b>	<b>34,162,843</b>

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

- ii. Semakan Audit mendapati hutang dagangan sebelum tahun 2010 berjumlah RM19.33 juta daripada ASSAR Refinery Services Sdn. Bhd. (ARSSB) telah distruktur semula pada bulan Januari 2012. Mengikut Perjanjian antara SEPOM dengan ARSSB, hutang tersebut akan dijelaskan melalui bayaran ansuran selama 3 tahun bermula bulan Februari 2012 dengan kadar faedah 4% setahun. Kadar faedah tambahan 4% setahun akan dikenakan sekiranya syarikat gagal menjelaskan hutang dalam tempoh 14 hari mengikut jadual yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati ARSSB telah menjelaskan tunggakan hutang mengikut jadual yang ditetapkan.
- iii. Mengikut Kontrak Jualan, pembeli CPO dan PK diberi tempoh kredit selama 4 hari atau 7 hari atau bayaran dibuat sebelum penghantaran. Bagaimanapun, perkara ini tidak dikuatkuasakan oleh SEPOM dan tiada semakan dibuat terhadap inbois yang dikeluarkan kepada penghutang sebagai usaha untuk mengutip balik hutang syarikat. Semakan Audit seterusnya mendapati urusniaga jualan dilakukan walaupun penghutang masih belum menjelaskan hutang dalam tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini telah menyebabkan tunggakan hutang SEPOM dan menjelaskan aliran tunai syarikat. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014 menyatakan bahawa, dalam tahun 2013, pelbagai usaha telah dibuat untuk memastikan bahawa pihak penghutang menjelaskan hutang mereka dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Kedudukan penghutang pada 31 Disember 2013 ialah berjumlah RM16 juta. Kedudukan hutang ARSSB pada 25 Februari 2014 adalah berjumlah RM5.49 juta.**

#### **5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan**

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.5.**

**Jadual 5.5**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2010 Hingga 2012**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2010	2011	2012
1.	Nisbah Semasa	2.59:1	1.40:1	1.58:1
2.	Margin Untung Bersih	9.79%	7.50%	6.91%
3.	Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.21:1	0.15:1	0.14:1
4.	Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.32:1	0.30:1	0.23:1

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa SEPOM bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 adalah 2.59:1, 1.40:1 dan 1.58:1. Ini menunjukkan SEPOM tidak menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa syarikat. Bagaimanapun, SEPOM perlu berusaha untuk memastikan nisbah semasa tidak menunjukkan trend menurun pada masa akan datang.

##### **b. Margin Untung Bersih**

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati margin untung bersih SEPOM semakin menurun iaitu 9.8% pada tahun 2010, 7.5% pada tahun 2011 dan 6.9% pada tahun 2012.

##### **c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset**

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit

mendapati nisbah pulangan ke atas aset SEPOM adalah positif tetapi menunjukkan trend penurunan iaitu sebanyak 21 sen, 15 sen dan 14 sen bagi tahun 2010 hingga 2012.

#### d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah positif tetapi semakin berkurang iaitu sebanyak 32 sen, 30 sen dan 23 sen bagi tahun 2010 hingga 2012. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan untuk memastikan nisbah kewangan tidak merosot, keuntungan harus dipertingkatkan. Jualan akan dipertingkatkan dan kos pengeluaran dan pengurusan dikawal dan dikurangkan. Syarikat juga perlu mempelbagaikan pelaburan dengan tidak hanya tertakluk kepada simpanan tetap dan juga ‘short term money market’ tetapi juga dalam unit trust yang boleh memberi pulangan dividen yang lebih tinggi daripada simpanan tetap.**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan SEPOM adalah baik kerana mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM34.29 juta. Namun demikian, SEPOM perlu memberi perhatian terhadap trend menurun bagi margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti.

#### 5.4.2. Pengurusan Aktiviti

##### 5.4.2.1. Perolehan, Pemprosesan BTS Dan Penjualan CPO/PK

###### a. Prestasi Perolehan BTS

Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. mensasarkan menerima BTS sebanyak 360,000 tan metrik setahun. Analisis Audit mendapati ada peningkatan dalam penerimaan BTS bagi tempoh 2011 hingga 2013 tetapi ianya tidak mencapai sasaran syarikat. Penurunan dalam penerimaan BTS ini menyebabkan operasi kilang tidak mencapai 100% yang disasarkan. Semakan Audit juga mendapati pada tahun 2013, SEPOM telah menerima sebanyak 319,322.35 tan metrik BTS daripada pembekal iaitu penurunan sebanyak 40,677.65 tan metrik atau 11.3% kurang daripada sasaran seperti di **Jadual 5.6**.

**Jadual 5.6**  
**Prestasi Perolehan BTS Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Sasaran (MT)	BTS Diterima	Peratus (%)
2011	360,000.00	253,220.01	29.7
2012	360,000.00	306,681.70	14.8
2013	360,000.00	319,322.35	11.3

Sumber: Data Pengeluaran Kilang Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

- b. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan sasaran BTS yang ditetapkan oleh syarikat kebiasaannya adalah tinggi dan mampu membekalkan kapasiti yang ditetapkan oleh syarikat.**

c. **Prestasi Hasil Minyak Sawit**

Setakat 31 Disember 2013, SEPOM telah memperoleh hasil jualan CPO dan PK sejumlah RM164.13 juta berbanding RM179.69 juta bagi tahun 2012 iaitu penurunan sejumlah RM15.56 juta atau 8.7%. Pada tempoh yang sama, hasil jualan minyak sawit adalah sebanyak 70,593 tan metrik berbanding 75,274 tan metrik iaitu penurunan 4,681 tan metrik atau 6.2%. Penurunan hasil jualan minyak sawit adalah disebabkan kekurangan penerimaan BTS daripada pembekal dan pekebun kecil yang berdaftar dengan SEPOM serta kekurangan pengeluaran CPO dalam tahun 2013 yang mengakibatkan penurunan dalam hasil pendapatan syarikat bagi tempoh 3 tahun berturut. Butiran adalah seperti di **Jadual 5.7**.

**Jadual 5.7**  
**Prestasi Jualan Minyak Sawit**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun					
		2011		2012		2013	
		(RM Juta)	Tan Metrik (MT)	(RM Juta)	Tan Metrik (MT)	(RM Juta)	Tan Metrik (MT)
1.	CPO	161.07	51,154	157.14	59,499	143.86	*53,872
2.	PK	28.74	13,934	22.55	15,775	20.27	16,721
<b>Jumlah</b>		<b>189.91</b>	<b>65,088</b>	<b>179.69</b>	<b>75,274</b>	<b>164.13</b>	<b>70,593</b>

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

Nota: \*- Angka Ini Menunjukkan Perbezaan Sebanyak 9,145.54 Tan Metrik Dibandingkan Dengan Data Pengeluaran Kilang.

d. **Prestasi Pengeluaran CPO Dan PK**

- i. Hasil analisis Audit terhadap rekod pengeluaran kilang mendapati prestasi volum pengeluaran dan penjualan CPO serta PK tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh SEPOM. Selain itu, purata kadar perahan minyak juga didapati tidak mencapai kadar sasaran yang ditetapkan. Ini adalah kerana SEPOM menetapkan sasaran yang tinggi berbanding standard industri. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.8**.

**Jadual 5.8****Prestasi Pengeluaran Minyak Sawit Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun					
		2011		2012		2013	
		Sasaran (MT)	Sebenar (MT)	Sasaran (MT)	Sebenar (MT)	Sasaran (MT)	Sebenar (MT)
1.	BTS diproses	360,000	253,220.01	360,000	306,681.70	360,000	319,322.35
2.	CPO	65,468	50,883.44	65,420	61,632.74	75,600	63,017.54
3.	PK	16,962	14,061.87	17,727	16,495.07	20,520	16,063.84
4.	CPO dijual	65,468	51,153.97	68,419	59,499.29	75,600	65,106.33
5.	PK dijual	16,962	13,394.40	15,727	15,775.27	20,250	16,721.24
6.	Stok	-	-	-	32,814.66	-	11,089.52
7.	Purata OER	22.50%	20.09	21.00%	20.10%	21.00%	19.73 %
8.	Purata KER	5.70%	5.55	5.70%	5.38%	5.70%	5.03%

Sumber: Data Pengeluaran Kilang Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

Nota: BTS – Buah Tandan Segar

CPO – Crude Palm Oil

PK – Palm Kernel

OER – Oil Extraction Rate

KER – Kernel Extraction Rate

ii. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan pengeluaran CPO dan PK tersebut tidak mencapai sasaran adalah disebabkan oleh sasaran OER dan KER yang ditetapkan oleh syarikat adalah sangat tinggi untuk mencapai kadar yang tertinggi. Ini boleh dibuktikan dengan membandingkan OER dan KER Malaysia dan Sarawak di mana puratanya adalah jauh lebih rendah daripada sasaran syarikat.**

e. **Garis Panduan Penetapan Harga Belian BTS dan Kadar Perahan Minyak (OER) Dan Kadar Perahan Isirung (KER)**

Proses jualan CPO dan PK SEPOM dilaksanakan oleh Bahagian Pemasaran SALCRA dan Ketua Pegawai Operasi berdasarkan Garis Panduan Pemasaran SALCRA tahun 2002 serta berpandukan kadar yang ditetapkan oleh MPOB (berdasarkan harga Purata Semenanjung Malaysia). Semakan Audit mendapati perubahan kadar dan penetapan harga belian BTS, jualan CPO serta KER yang telah dibuat tanpa kelulusan daripada semua ahli Lembaga Pengarah SEPOM dan kadar baru juga tidak dikemas kini dalam Manual Pemasaran SALCRA. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan Garis Panduan berkenaan akan disedia dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan Manual Pemasaran akan dikemas kini dengan mengambil kira pelaksanaan Goods and Services Tax (GST) serta mendapat arahan secara bertulis untuk membenarkan pengurusan menetap harga belian yang berpatutan dan kompetitif.**

## f. Kualiti Minyak Sawit Yang Dikeluarkan

- i. Pengeluar/Pembekal minyak sawit hendaklah memastikan jaminan kualiti minyak CPO dan PK sentiasa dijaga dari segi mutu spesifikasi dan pengujian keluaran oleh pihak makmal di setiap proses berdasarkan garis panduan dan peraturan yang ditetapkan oleh MPOB. Semakan Audit mendapati SEPOM telah membuat analisis makmal berdasarkan sasaran dalam Petunjuk Prestasi Utama SEPOM bagi tahun 2013 berkaitan dengan mutu kualiti dengan menerima pakai garis panduan MPOB dan Standards & Industrial Research Institute Of Malaysia (SIRIM). Analisis Audit terhadap rekod statistik kualiti CPO bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati kadar FFA tinggi di semua Tangki Minyak No. 1, 2, 3 dan 4 manakala kadar kelembapan di Tangki Minyak No. 1 melebihi sasaran pada tahun 2012 dan 2013. Kadar kekotoran di Tangki Minyak No.1 juga melebihi sasaran iaitu 2.02 berbanding sasaran syarikat 0.02 bagi tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.9**.

**Jadual 5.9**  
**Sasaran Kualiti CPO Dan PK Bagi Tahun 2012 Hingga 2013**

Butiran	Tahun					
	2011		2012		2013	
	Sasaran (%)	Sebenar (%)	Sasaran (%)	Sebenar (%)	Sasaran (%)	Sebenar (%)
<b>Kualiti CPO: Tangki Minyak No. 1</b>						
FFA	Tiada	18.00	<5.00	4.77	<3.00	3.83
Kelembapan		0.41	<0.25	0.30	<2.00	0.24
Kekotoran		0.51	<0.02	2.02	<0.15	0.02
DOBI		0.10	2.30	0.03	>2.50	2.52
<b>Kualiti CPO: Tangki Minyak No. 2</b>						
FFA	<5.00	3.71	<5.00	4.51	<3.00	3.82
Kelembapan	<0.25	0.20	<0.25	0.26	<2.00	0.24
Kekotoran	<0.025	0.02	<0.025	0.03	<0.15	0.02
DOBI	>2.30	2.51	>2.30	2.02	>2.50	2.43
<b>Kualiti CPO: Tangki Minyak No. 3</b>						
FFA	<5.00	3.93	<5.00	3.67	<3.00	3.83
Kelembapan	<0.250	0.24	<0.25	0.21	<2.00	0.24
Kekotoran	<0.025	0.03	<0.025	0.02	<0.15	0.02
DOBI	>2.30	2.44	>2.30	2.54	>2.50	2.43
<b>Kualiti CPO: Tangki Minyak No. 4</b>						
FFA	<5.00	3.50	<5.00	3.62	<3.00	3.72
Kelembapan	<0.250	0.17	<0.25	0.23	<2.00	0.25
Kekotoran	<0.025	0.03	<0.025	0.02	<0.15	0.03
DOBI	>2.30	2.60	>2.30	2.80	>2.50	2.52
<b>PK:</b>						
Kelembapan	<7.00	6.42	<7.00	6.41	<6.00	5.95
Kekotoran	<6.00	5.76	<6.00	5.65	<5.00	5.16

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

Nota: FFA – Fatty Acid

CPO – Crude Palm Oil

PK – Palm Kernel Oil

DOBI – Deterioration of Bleacability Index

- ii. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan kadar FFA di semua tangki pada tahun 2013 adalah di bawah 5.0% iaitu kadar maksima industri. Sasaran KPI pada 3.0% adalah rendah untuk memastikan yang kadar FFA adalah tidak melebihi 5.0% dan pada kadar selamat serta memastikan BTS yang diterima adalah berkualiti dan tidak mentah dan buruk.**

#### **g. Kadar Kehilangan Minyak CPO**

Semakan Audit terhadap Ringkasan Operasi Harian dan Rekod Kawalan Kualiti Harian mendapati SEPOM telah dapat mengawal kadar kehilangan minyak ke tahap yang minimum dan laporan tersebut dikemukakan kepada Pengurusan Kilang untuk tujuan pemantauan. Analisis makmal yang dilaksana didapati mengikut standard Palm Oil Research Institute Malaysia (PORIM). Semakan Audit seterusnya mendapati kadar kehilangan CPO dan PK dalam tahun 2012 adalah dalam kadar yang dibenarkan. Bagaimanapun, pada tahun 2011 dan 2013 kadar kehilangan minyak yang melebihi kadar yang dibenarkan berlaku bagi sampel di pemisah enapcemar. Kadar purata kehilangan minyak tersebut adalah 1.1% dan 1.2% iaitu melebihi kadar 1% yang dibenarkan oleh MPOB. Semakan Audit juga mendapati laporan kadar kehilangan CPO dan PK yang sedia ada hanya menunjukkan kadar peratusan tetapi tidak menunjukkan jumlah isipadu yang hilang. Jumlah kehilangan minyak bagi tahun 2011 dan 2013 adalah RM26,317. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.10**.

**Jadual 5.10**  
**Kadar Kehilangan Minyak CPO**

Tahun	CPO Yang Diproses (MT)	Sampel	Peratusan Yang Dibenarkan (MPOB) (%)	Peratusan Kehilangan (%)	Harga CPO (RM)	Jumlah Kehilangan (RM)
2011	50,833	Pemisah Enapcemar	1.0	1.1	3,149	9,605
2012	Kadar kehilangan minyak adalah dalam kadar yang dibenarkan.					
2013	63,018	Pemisah Enapcemar	1.0	1.2	2,210	16,712
<b>Jumlah</b>						<b>26,317</b>

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

#### **h. Perbezaan Purata Isipadu Pengeluaran Kilang Dan Berat Hasil Penapisan**

- i. Semakan Audit mendapati berlakunya perbezaan purata isipadu CPO dalam rekod pengeluaran kilang dengan rekod berat penapisan bagi tempoh 2011 hingga 2013. Semakan Audit seterusnya mendapati perbezaan CPO sebanyak 11,234 tan metrik berlaku pada tahun 2013. Perbezaan purata isipadu PK adalah antara 20 hingga 22 tan metrik bagi tempoh 2011 hingga 2013. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 5.11** dan **Jadual 5.12**.

**Jadual 5.11****Perbezaan Purata Isipadu Pengeluaran Kilang Dan Berat Hasil Penapisan CPO**

Butiran	Tahun								
	2011			2012			2013		
	CPO (MT)	Purata Harga (RM)	Jumlah (RM Juta)	CPO (MT)	Purata Harga (RM)	Jumlah (RM Juta)	CPO (MT)	Purata Harga (RM)	Jumlah (RM Juta)
Pengeluaran Kilang	51,154	3,149	161.07	59,499	2,641	157.14	53,872	2,670	143.86
Berat Hasil Penapisan	51,207	3,145	161.07	59,560	2,638	157.14	65,106	2,210	143.86
<b>Perbezaan</b>	<b>53</b>	<b>4</b>	<b>0.00</b>	<b>61</b>	<b>3</b>	<b>0.00</b>	<b>11,234</b>	<b>460</b>	<b>0.00</b>

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

**Jadual 5.12****Perbezaan Purata Isipadu Pengeluaran Kilang Dan Berat Penapisan PK**

Butiran	Tahun								
	2011			2012			2013		
	PK (MT)	Purata Harga (RM)	Jumlah (RM Juta)	PK (MT)	Purata Harga (RM)	Jumlah (RM Juta)	PK (MT)	Purata Harga (RM)	Jumlah (RM Juta)
Pengeluaran Kilang	13,934	2,062	28.74	15,775	1,429	22.55	16,721	1,212	20.27
Berat Hasil Penapisan	14,107	2,037	28.74	15,795	1,427	22.55	16,699	1,214	20.27
<b>Perbezaan</b>	<b>173</b>	<b>25</b>	<b>0.00</b>	<b>20</b>	<b>2</b>	<b>0.00</b>	<b>22</b>	<b>2</b>	<b>0.00</b>

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

- ii. Perbezaan ini tidak memberi kesan yang ketara kepada jumlah pengeluaran kerana ianya diimbangi oleh purata harga pasaran CPO dan PK pada tempoh tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati SEPOM belum menyediakan sebarang mekanisme untuk tujuan pemantauan serta mengambil tindakan penyesuaian terhadap perbezaan tersebut. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan perbezaan volum antara timbang kilang dan timbang refineri adalah dipantau bagi setiap lori atau tanker yang dihantar. Perbezaan adalah masih pada kadar yang dibenarkan iaitu tidak melebihi 250 kilogram untuk setiap lori.**

**5.4.2.2. Pelupusan Tandan Kosong**

- a. Buah Tandan Kosong (BTK) merupakan sisa pepejal hasil buangan daripada BTS. Bagi tahun 2011 hingga 2013, SEPOM telah menghasil dan melakukan pembuangan 205,656.81 tan metrik BTK dan sejumlah RM1.91 juta telah dibelanjakan untuk pengurusan pelupusan. Kos ini termasuk pengangkutan BTK dari kilang ke tapak pelupusan dengan kadar RM6.50 per tan metrik, menyewa mesin jentolak dengan kadar RM6,500 sebulan dan melakukan kerja menolak buangan dengan kadar RM4,000 sebulan. Pelupusan tandan kosong dilakukan di kawasan tanah yang disewa dengan kadar RM300 sebulan sejak tahun 2005 dan SEPOM juga sedang menyedia dokumen perjanjian untuk menyewa tapak baru yang berhampiran mulai bulan Januari 2014 dengan kadar sewa RM300 sebulan.

- b. Semakan Audit terhadap rekod mendapati telah berlaku kebakaran di tapak pelupusan pada bulan Februari dan Julai 2011 dan Jabatan Alam Sekitar pada bulan Julai 2011 telah menegur keadaan tapak serta mengingatkan pihak SEPOM agar membuat pemantauan bagi mengelak kebakaran berulang. Adalah didapati kebakaran berlaku lagi pada bulan Oktober 2011, Julai 2012 dan September hingga Oktober 2013. Serian Oil Palm Mill Sdn. Bhd. memaklumkan punca kebakaran adalah disebabkan pengumpulan gas metana dan cuaca panas. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan kebakaran ini tidak dapat dielakkan dan akan memantau kebakaran untuk mengelakkan pencemaran udara.**
- c. Lawatan Audit pada bulan Februari 2014 mendapati pekerja membuat semburan air kerana pengasapan masih berlaku dan boleh mencetus kebakaran semula. Kebakaran bukan sahaja menyumbang kepada pencemaran udara tetapi juga menjadikan keselamatan. Keadaan tapak longgokan BTK yang masih berasap dan kerja penyemburan air adalah seperti di **Gambar 5.1**.



**Gambar 5.1**  
**Longgokan Tandan Kosong Yang**  
**Masih Berasap Dan Kerja Penyemburan**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pelupusan Tandan Kosong  
Tarikh: 26 Februari 2014

- d. Selain itu, didapati longgokan buangan BTK semakin meninggi manakala hanya terdapat 2 kolam rawatan lecet disediakan. Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. memaklumkan telah berlaku runtuhannya longgokan buangan BTK pada bulan Disember 2013 mengakibatkan tertimbunya 3 kolam rawatan. Kolam rawatan sebelum dan setelah tertimbus adalah seperti di **Gambar 5.2** dan **Gambar 5.3**. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 25 Mac 2014, menyatakan akan memantau kebakaran dan memastikan penimbusan tandan kosong dibuat dengan sempurna bagi mengelakkan runtuhannya di masa akan datang dan kolam tambahan akan dibina.**

**Gambar 5.2**  
**Kolam Rawatan Sebelum Tertimbus**



Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.  
Lokasi: Tapak Pelupusan Tandan Kosong  
Tarikh: 6 Januari 2014

**Gambar 5.3**  
**Kawasan Kolam Rawatan Yang Tertimbus**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pelupusan tandan Kosong  
Tarikh: 26 Februari 2014

- e. Semakan Audit mendapati SEPOM juga telah mengemukakan kertas kerja untuk Projek Pengurusan Sisa kepada pihak Lembaga Pengarah pada tahun 2012. Kertas kerja ini mencadangkan pembinaan loji kompos supaya pengurusan sisa pepejal boleh dibuat dengan lebih berkesan, boleh menjana hasil dan tidak perlu menanggung kos menyenggara tapak pelupusan. Projek ini telah diluluskan dan dijangka dimulakan pada bulan Jun 2013 tetapi sehingga bulan Februari 2014, projek ini masih belum bermula. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan projek Loji Kompos belum bermula kerana rakan kongsi yang menerajui belum memulakan pembinaan. Selain itu, SEPOM juga sedang mengkaji kemungkinan menghasilkan pellet dan fiber daripada tandan kosong.**

#### f. Pengurusan Kolam Effluent

Pembuangan sisa cecair termasuk effluent yang telah dirawat dan dilepaskan ke mana-mana alur air mestilah mematuhi standard yang ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling. Semakan Audit terhadap laporan tahun 2013 mendapati secara keseluruhannya SEPOM mematuhi standard yang ditetapkan kecuali bagi kepekatan oksigen biokimia yang melebihi tahap dibenarkan iaitu 29 mg/l, 26.3 mg/l dan 57.2 mg/l pada bulan Januari, April dan Julai iaitu berbanding tahap 20 mg/l yang dibenarkan. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan akan memastikan sistem merawat kolam effluent serta Effluent Tertiary Plant berfungsi dengan baik dan memberi latihan kepada pegawai berkenaan.**

#### g. Penggunaan Bahan Kimia

- i. Penggunaan bahan kimia hendaklah mematuhi kehendak *Occupational Safety and Health Act 1994 of the Occupational Safety and Health (Use And Standards Exposure Of Chemicals Hazardous To Health) Regulations 2000* dan Manual Prosedur – Kawalan Bahan Kimia yang mula digunakan pada tahun 2011. Antara

bahan kimia yang digunakan ialah *sodium sulphate*, *polyphosphate*, *polyacrylic*, *natrium hydroxide*, *Poly Aluminium Chloride*, *Nitrium Carbonate*, *Nitrium Chloride* dan *Sodium Sulphate*. Semakan Audit mendapati SEPOM telah melantik *Seraphim Consultancy Services* untuk mengenal pasti risiko dan kesan bahan kimia terhadap kesihatan pada bulan Mei 2011 dan penaksiran selanjutnya dijadual untuk dijalankan pada tahun 2016. Pihak Audit mendapati SEPOM ada menyelenggara Data Keselamatan Bahan Kimia mulai tahun 2013. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap Laporan Petunjuk Prestasi Alam Sekitar bagi tahun 2013 mendapati berlaku penggunaan bahan kimia tidak menepati standard yang ditetapkan seperti di **Jadual 5.13**.

**Jadual 5.13**

**Penggunaan Bahan Kimia Yang Tidak Menepati Standard Yang Ditetapkan Bagi Tahun 2013**

Bil.	Bahan Kimia	Standard	Kadar Bacaan	Peratusan Melebihi Standard (%)	Bulan Penggunaan Melebihi Standard/Sasaran
1.	<i>Poly Aluminium Chloride</i>	< 0.06	0.07	16.7	April, Oktober, November, Disember
2.	<i>Nitrium Carbonate</i>	< 0.040	0.056	40.0	Februari, Mei, Jun
3.	<i>Nitrium Chloride</i>	< 0.060	0.152	153.3	Februari, Jun, September, November, Disember
4.	<i>Sodium Sulphate</i>	< 0.008	0.014	75.0	Februari, Mac, April, September, Oktober, November

Sumber: Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd.

- ii. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan penggunaan bahan kimia tersebut sukar dikawal kerana ia bergantung kepada kualiti air mentah pada tempoh berkenaan.**

#### **5.4.2.3. Penyenggaraan Mesin Dan Peralatan Kilang**

Kerja penyenggaraan mesin/peralatan kilang dikategorikan di bawah penyenggaraan berjadual atau pencegahan dan penyenggaraan harian. Prosedur kerja penyenggaraan dijelaskan dalam *Standard Operating Procedure – ISO 14001:2004*. Memandangkan kebanyakan mesin serta peralatan diperolehi melebihi 16 tahun, kerja pembaikan untuk menaiktaraf juga dibuat. Semakan Audit mendapati Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. menyediakan Jadual Selenggaraan Tahunan Mesin dan Peralatan, Rekod Kawalan Selenggaraan, Kad Sejarah Mesin dan Rekod Harian untuk Agihan Tugas Selenggaraan. Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. telah membelanjakan sejumlah RM16.30 juta untuk pengoperasian termasuk perolehan dan penyenggaraan mesin dan peralatan kilang bagi tahun 2011 hingga 2013.

#### **a. Penyenggaraan Berjadual/Pencegahan**

Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan dijadualkan untuk dilaksanakan di antara 2 hingga 4 kali setahun. Bagi tahun 2011 hingga 2013, SEPOM telah membelanjakan sejumlah RM1.63 juta untuk menjalankan kerja penyenggaraan berjadual. Semakan Audit mendapati:

- i. Rekod Jadual Selenggaraan Tahunan Mesin dan Peralatan bagi tahun 2011 tidak lengkap iaitu menunjukkan jadual bagi tempoh bulan November hingga Disember 2011 sahaja dan hanya melibatkan 27 mesin dan peralatan.
- ii. Kerja penyenggaraan yang dijadualkan bagi suku akhir tahun 2013 tidak dijalankan.
- iii. Terdapat 20 mesin dan peralatan bagi tahun 2012 dan 17 mesin dan peralatan bagi tahun 2013 tiada dalam Jadual.
- iv. Rekod Kawalan Selenggaraan tidak dikemas kini dengan sempurna iaitu nama petugas tidak dicatat, petugas tidak menandatangani di ruang yang ditetapkan serta tidak membuat ulasan mengenai kerja yang telah dijalankan. Selain itu, tiada bukti verifikasi oleh pihak penyelia terhadap kerja yang telah dijalankan.
- v. Kos penyenggaraan tidak dicatatkan dalam Kad Sejarah Mesin untuk tujuan pemantauan jumlah kos yang telah dibelanjakan bagi penyenggaraan sesebuah mesin. Adalah didapati daripada 23 Kad Sejarah Mesin, 8 tidak dikemas kini sejak tahun 2010 manakala 22 untuk tahun 2011, 11 untuk tahun 2012 dan 16 untuk tahun 2013 mengenai kerja yang telah dijalankan tidak direkod.
- vi. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan mesin akan diselenggara dengan lebih terperinci dan tindakan mengemaskini rekod telah diambil.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti SEPOM adalah memuaskan dan telah mematuhi standard industri yang ditetapkan oleh MPOB, PORIM dan SIRIM selain menetapi sasaran KPI syarikat yang ditetapkan. Pihak Audit juga berpendapat prestasi pengeluaran hasil minyak sawit, pengoperasian kilang, pengurusan penyenggaraan mesin secara berjadual perlu dipertingkatkan lagi untuk memastikan penggunaan mesin di tahap yang maksimum serta meningkatkan lagi pengeluaran hasil minyak pada tahap yang optimum. Selain itu, pihak SEPOM perlu mengkaji kaedah alternatif yang lebih efisien dan mesra alam untuk pelupusan tandan kosong.

### **5.4.3. Tadbir Urus Korporat**

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, SEPOM tertakluk kepada Akta Syarikat 1965 pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat SEPOM mendapati perkara berikut:

#### **5.4.3.1. Lembaga Pengarah**

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai tanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Semakan Audit mendapati Pengerusi Lembaga Pengarah SEPOM adalah Pengurus Besar SALCRA yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tender SEPOM. Semakan Audit mendapati ahli Lembaga Pengarah SEPOM tidak mempunyai *Terms Of Reference* (TOR) yang jelas berkenaan fungsi dan peranan ahli Lembaga Pengarah mengikut amalan terbaik. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan keahlian Lembaga Pengarah di SEPOM adalah dilantik oleh Pemegang Saham Syarikat, iaitu SALCRA dan Genting Plantation Bhd. yang boleh menyumbang idea yang berasas untuk memajukan Syarikat.**

#### **5.4.3.2. Non-Business Trip**

Selain bayaran elaun Ahli Lembaga dan elaun mesyuarat, Ahli Lembaga Pengarah SEPOM juga dibayar *non-business trip*. Bayaran *non-business trip* tersebut telah diluluskan pada mesyuarat ke-27 Lembaga Pengarah bertarikh 1 Disember 2010 untuk dibayar kepada semua Ahli Lembaga berjumlah RM20,000 seorang setahun dan Pengurus Kilang berjumlah RM13,000 setahun. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah meluluskan untuk kenaikan kepada RM25,000 seorang setahun pada mesyuarat yang ke-31 bertarikh 17 Oktober 2012 bagi setiap ahli Lembaga dan RM15,000 kepada Pengurus Kilang dan Setiausaha Syarikat juga dibayar RM15,000 seorang setahun mulai tahun 2012.

#### **5.4.3.3. Perancangan Strategik**

Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik pula adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan

dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat manakala petunjuk prestasi perlu disediakan bukan sahaja untuk menjadi pengukur prestasi syarikat tetapi juga memberi hala tuju syarikat. Semakan Audit mendapati SEPOM tidak mempunyai perancangan strategik syarikat yang khusus dan menerima pakai perancangan strategik SALCRA. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan buat masa ini SEPOM tidak ada rancangan untuk memperluaskan perniagaan selain dari membeli dan memproses BTS dan menjual CPO dan PK. Perancangan Strategik ini akan dipertimbangkan untuk dibuat pada masa akan datang.**

#### **5.4.3.4. Standard Operating Procedures**

SEPOM ada menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan aktiviti. Pengurusan SEPOM juga menerima pakai SOP yang disediakan oleh SALCRA dengan tambahan bergantung kepada keperluan SEPOM. Semakan Audit mendapati SOP yang sedia ada telah dikemas kini setakat 1 Mac 2013 tetapi tidak lengkap kerana tidak merangkumi aktiviti utama yang berkaitan dengan pengurusan aktiviti, penerimaan BTS, pemerosesan dan jualan minyak sawit mentah dan isirung secara khusus. Serian Oil Palm Mill Sdn. Bhd. menerima pakai SOP MPOB, SIRIM dan PORIM yang disediakan. Semakan Audit seterusnya mendapati manual aktiviti pemasaran yang disediakan oleh SALCRA adalah bertarikh tahun 2002 dan perlu dikemas kini. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan SOP yang lengkap meliputi aktiviti utama syarikat akan dibuat secara berperingkat. SEPOM akan mencadangkan kepada Bahagian Pemasaran SALCRA untuk mengemaskinikan Manual Pemasaran.**

#### **5.4.3.5. Penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam**

Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubhukan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati SEPOM tidak mempunyai Jawatankuasa Audit atau Unit Audit Dalam. Bagaimanapun, pengauditan pengurusan syarikat secara menyeluruh dijalankan oleh Unit Audit Dalam SALCRA dan dilapor kepada Pengurus Besar SALCRA. Kali terakhir pengauditan dijalankan oleh Unit Audit Dalam SALCRA adalah pada tahun 2012. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan Syarikat adalah terlalu kecil untuk menubhukan unit Audit Dalaman tersendiri. Syarikat akan terus menggunakan SALCRA untuk membantu pengurusan memantau pengurusan syarikat. Kawalan dalaman akan dipantau oleh pihak pengurusan syarikat melalui SOP yang akan dibuat.**

#### **5.4.3.6. Corporate Integrity Pact**

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corruption Integrity Pact* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit mendapati SEPOM belum melaksanakan *Corporate Integrity Pact*. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan Corporate Integrity Pact akan dilaksanakan setelah pihak Kerajaan Negeri mengguna pakai peraturan tersebut.**

#### **5.4.3.7. Pengurusan Kewangan**

Akta Syarikat 1965 telah menetapkan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan pengurusan kewangan syarikat diurus dengan baik. Antaranya mengandungi perkara berkaitan dengan sistem kawalan dalaman, penyimpanan akaun dan pengurusan aset. Semakan Audit yang dijalankan terhadap pengurusan kewangan SEPOM mendapati perkara berikut:

- a. Semakan Audit mendapati urusniaga jualan dilakukan walaupun penghutang masih belum menjelaskan hutang dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap 30 inbois yang dikeluarkan dan tarikh penerimaan daripada pembeli mendapati 17 inbois berjumlah RM16.59 juta telah melebihi tempoh kredit yang diberikan iaitu lewat melebihi 32 hari. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan hutang jualan CPO dan PK lewat dikutip kerana beberapa sebab seperti berikut:**

- **Pembeli menyatakan bahawa invois dari SEPOM tidak diterima.**
- **Invois dipinda kerana butir-butiran antara SEPOM dan pembeli tidak sama.**
- **Pembeli mengalami masalah aliran tunai untuk membuat pembayaran (ASSAR Refinery Services Sdn. Bhd.)**

**SEPOM sudah mula memantau secara lebih rapi dan menghantar peringatan kepada penghutang dan resit rasmi akan dikeluarkan kepada pembeli mulai tahun 2014.**

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Pemeriksaan Tahunan SEPOM bertarikh 22 Oktober 2013 mendapati terdapat 174 jenis aset tetap berjumlah RM0.30 juta telah berada dalam keadaan usang dan SEPOM telah mencadangkan untuk pelupusan. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil terhadap aset tetap yang usang walaupun laporan pemeriksaan telah dikemukakan kepada pihak pengurusan SALCRA pada 11 November 2013. **Maklum balas daripada SEPOM bertarikh 24 Mac 2014, menyatakan pelupusan aset masih belum dapat dijalankan kerana syarikat belum ada prosedur untuk tujuan tersebut. Prosedur tersebut telah dibuat dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Pengarah pada 21hb Mac 2014**

**dan telah mendapat kelulusan. Pelupusan aset yang sudah diterima pakai akan dilakukan pada tahun 2014.**

**Pada pendapat Audit, SEPOM hendaklah mempertingkatkan tadbir urus korporat dengan menyediakan Rancangan Korporat serta Perancangan Strategik untuk mengurus dan mengawal urusan pentadbiran serta kewangan dengan lebih cekap dan teratur.**

## **5.5. SYOR AUDIT**

Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, pengurusan Serian Palm Oil Mill Sdn. Bhd. (SEPOM) adalah disyorkan tindakan seperti berikut diambil:

**5.5.1.** Meningkatkan prestasi pengeluaran hasil minyak sawit, pengoperasian kilang, pengurusan penyenggaraan mesin berjadual dan memastikan penggunaan mesin di tahap optimum bagi meningkatkan pengeluaran hasil minyak.

**5.5.2.** Mengkaji kaedah alternatif untuk pelupusan tandan kosong.

**5.5.3.** Menyediakan Rancangan Korporat, Manual Polisi Dan Prosedur Pengurusan Kewangan dan peraturan berkaitan pentadbiran dan pengurusan kewangan serta mengemaskini Manual Pemasaran dengan perubahan kadar baru yang diluluskan.



---

## PENUTUP



## **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan secara dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**1 Mei 2014**







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**

No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)